


Siapa Selepas MAHATHIR



Nurshumiza Yusof

Siapa Selepas MAHATHIR

Nurshumiza Yusof

**Penerbitan Matahari
Kuala Lumpur.**



Hakcipta dan cetakan terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula kecuali mendapat izin terlebih dahulu daripada Penerbitan Matahari.

© Nurshumiza Yusof 1987

Penerbitan Matahari
Kuala Lumpur

445440

A
324.25954

NUR

Dicetak oleh
NURIN ENTERPRISE

22 FEB 1988

Perpustakaan Negar
Malaysia

PENGENALAN

Alhamdulillah dengan izin Allah buku ini dapat diterbitkan. Kami dengan rasa insaf dan akur wujudnya perbedaan pendapat tetapi bukan untuk berpolimik atau untuk mempertahankan sesuatu secara tidak rasional.

Perhimpunan Agung UMNO kali ini dianggap lebih hebat kerana dikatakan akan berlaku satu pertembungan sengit antara sesama sendiri dalam usaha memenangi hati dan undi ahli bagi menerajui pimpinan parti.

Kami beranggapan lebih dari itu, perhimpunan ini bukan semata-mata mencari atau menentukan pucuk pimpinan parti UMNO malahan pimpinan negara yang bernama Malaysia. Kami juga beranggapan di sinilah istimewanya segelintir manusia Melayu yang berjumlah lebih kurang 1500 orang yang bakal mengundi di perhimpunan tersebut. Di tangan mereka lah bentuk atau rupa pimpinan yang bakal menerajui negara yang tercinta ini.

Dalam keghairahan berkempen untuk mempertahankan kelompok atau individu tertentu satu hal yang harus disedari ialah adab atau moral. Keputusan atau tindakan tidak harus dibuat berdasarkan khabar-khabar angin, fitnah dan sentimen melulu yang menjadikan sempadan negeri sebagai asas sokongan atau tentangan.

Fitnah yang melibatkan dua individu biasa sudah dianggap lebih besar dosanya daripada membunuh. Apatah lagi fitnah di tengah-tengah kempen mencari pimpinan negara, bukan sahaja boleh membunuh jiwa dan karier seseorang malahan boleh meruntuh sebuah negara – jika fitnah sudah dianggap benar.

Dalam menanggani pergolakan dan perubahan yang berlaku di rantau ini dan dunia umumnya, kita memerlukan satu

barisan pemimpin negara yang punya 'vision' dan 'mission'. Mereka harus terdiri daripada golongan yang tahanuji, berjiwa rakyat, berani menghadapi kenyataan, bermoral dan mampu mendominasikan pemikiran rakyat ke arah nilai-nilai yang positif.

Semoga buku ini dapat membuka fikiran kita semua demi menjamin kelangsungan generasi dan kekuatan ummah. Janganlah hendaknya "kita menang sorak sedang maruah, tanah, kampong dan negara tergadai".

Kepada Allah jua dipohonkan agar negara ini dapat dipimpin oleh mereka yang tunduk sujud dan terus mendapat hidayah serta bimbingan daripada-Nya.

Mac 1987
Nurshumiza Yusof

KANDUNGAN

Pengenalan	iii
Ekonomi Meleset Di Zaman Mahathir	1
Krisis Mahathir-Musa	15
Krisis Timbalan Perdana Menteri	33
Datuk Harun Idris	53
Faktor Anwar	61
Politik PJK	87
Kisah Orang Johor	103
Pemimpin Pelapis	115
Siapa Selepas Mahathir	127
Barisan Pelapis	137

EKONOMI MELESET DI ZAMAN MAHATHIR

A salah satu yang amat menarik untuk diteliti mengapa populariti kemimpinan Dr. Mahathir merosot semakin lama beliau memegang teraju pemerintahan. Bila Dr. Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 16hb. Julai 1981, pemerhati politik hampir sepakat mengatakan bahawa beliau membawa lembaran baru bagi sejarah Malaysia. Dr. Tan Chee Khoon bukanlah orang yang mudah memberi pujian kepada kerajaan. Tapi tulisan-tulisan beliau dalam ruang berpengaruh "Without Fear or Favour" dalam harian The Star, semasa mengulas peralihan pucuk pimpinan dari Tun Hussein Onn kepada Dr. Mahathir, penuh dengan keyakinan dan harapan terhadap pemimpin baru tersebut.

Dr. Mahathir dikatakan orang tepat pada masanya untuk memimpin negara dan rakyat lain sama-sama menjayakan impian beliau untuk menjadikan Malaysia sebagai negara besar dan dihormati oleh negara-negara lain. Keyakinan terhadap pemimpinan beliau dan juga harapan rakyat terhadap masa depan negara di bawah Dr. Mahathir diterjemahkan dalam pilihanraya 1982 di mana Barisan Nasional memperolehi kemenangan besar.

Semuanya gembira ketika itu. Ekonomi terus berkembang pada kadar pesat. Bayangkan betapa kayanya Malaysia dalam tahun 1981. Mulai Januari 1, 1981, Petronas menjual minyak pada paras harga AS\$40.3 hingga AS\$42.1 setong. Dalam tahun tersebut Malaysia memperolehi \$6,911 juta dari eksport petroleum sahaja. Prestasi kelapa sawit sahaja boleh melupakan sedikit kesulitan dalam sektor lain. Minyak sawit dalam tahun itu berharga \$1,142.8 setan metrik dan Malaysia

memperolehi \$3,132 juta dari eksport minyak sawit. Betapa kayanya Malaysia ketika itu. Kononnya akhbar termuka Financial Times yang diterbitkan di London dalam salah satu keluarannya menulis tentang masa depan ekonomi Malaysia: "In a few weeks time the streets of Malaysia will be paved with gold"

Bayangkan betapa sulitnya Malaysia ketika ini. Petronas pernah menurunkan harga minyak hingga ke paras AS\$13 setong 1986, harga eksport sawit belegar di sekitar \$550 setan metrik. Betapa berbedanya keadaan ekonomi negara dengan di masa Dr. Mahathir mengangkat sumpah dibanding dengan sekarang.

Sebenarnya, bibit kesulitan telah mula kelihatan sebaik saja Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan. Dengan lain perkataan, kemewahan ekonomi Malaysia sampai ke puncaknya di zaman Tun Hussein dan mula menurun ketika Dr. Mahathir mengambil alih pucuk pimpinan. Maka sejak awal lagi masalah sudah menanti Dr. Mahathir.

Pada peringkat awalnya, Dr. Mahathir tidak menyatakan kebimbangannya terhadap kemerosotan harga barang utama terutamanya getah dan timah, kerana ianya diimbangi dengan harga petroleum mentah dan minyak sawit yang melambung tinggi. Siapa yang akan bimbang bila Petronas boleh menjual hasil minyak negara di atas AS\$40 setong dan minyak sawit dieksport melebihi \$1,000 setan metrik. Tetapi kemampuan petroleum mentah dan minyak sawit untuk mengimbangi kemerosotan harga barang utama lain yang melahirkan masalah jangka panjang ekonomi Malaysia – iaitu ketergantungan berlebihan kepada industri petroleum dan minyak sawit. Dr. Mahathir juga tidak menyangka kemelesetan ekonomi dunia akan berlarutan begitu lama.

Tetapi sejak awal-awal lagi Dr. Mahathir telah membayangkan kesulitan yang mungkin dihadapi dan kesediaan kerajaan untuk mengambil langkah-langkah tidak popular untuk mengatasi masalah tersebut. Antara pentunjuk awal ialah menolak permintaan kesatuan sekerja sektor awam yang mahukan gaji dan kemudahan mereka disemak. Jawapan Dr. Mahathir ialah bukan sahaja tidak mahu melayani permintaan tersebut, bahkan juga memotong gaji anggota kabinet sebagai contoh.

Dalam dua tahun pertama pentadbiran Dr. Mahathir, rakyat telah mendengar perkataan kemelesetan ekonomi semakin

kerap diperkata, tapi keperitan kemelesetan masih belum di rasakan. Kerajaan belum mengurangkan perbelanjaannya. Bahkan sebaliknya menjalankan dasar counter-cyclical – meningkat kegiatan pembangunan untuk melawan arus ke melesetan. Dasar ini tentunya mengembirakan golongan usahawan Melayu yang sedang meningkat naik kerana peluang-peluang kontrak kerajaan bertambah. Sektor pembinaan di mana terdapat ramai usahawan Bumiputera, masih merupakan agen pertumbuhan ketika itu. Bahkan industri pembinaan merupakan sektor swasta yang diharap-harapkan untuk membantu memulih ekonomi.

Harapan tersebut meleset. Strategi counter-cyclical tidak berjaya bahkan tambah membebankan kewangan negara. Kerajaan mula menjalankan dasar berjimat cermat. Akhirnya industri pembinaan turut dilanda oleh kemelesetan. Ramai usahawan dan kontraktor Bumiputera yang merasakan keperitan kemelesetan ekonomi. Ada yang golong tikar, ramai yang diburu oleh bank yang menagih hutang mereka. Projek-projek mereka terbengkalai. Ada yang setahun dua dahulu hidup dengan gaya orang kaya baru (OKB) tiba-tiba jatuh maflis menjadi orang baru miskin (OBM).

Tidak dapat dinafikan, majoriti dari mereka yang menjadi orang kaya baru dalam masa economic boom di Malaysia adalah di bawah naungan Dasar Ekonomi Baru. Mereka sering menggunakan DEB sebagai slogan untuk memajukan kepentingan mereka untuk mendapat kontrak dari kerajaan dan untuk mendapatkan habuan saham dalam penyusunan semula syarikat-syarikat.

Tetapi apabila kesulitan semakin meluas di kalangan golongan peniaga Bumiputera kekeciwaan dan kemarahan merata di kalangan golongan tersebut. Sikap mereka selama ini menggunakan DEB sebagai landasan untuk mendapat kekayaan menjadi sinis. DEB pernah menjadikan segolongan Bumiputera kaya, bahkan jutawan, golongan ini juga mahukan DEB membantu mereka dalam kesusahan.

Kerajaan telah membantu mereka untuk mendapatkan kekayaan, mereka juga mahukan – bahkan ada yang mendakwa adalah hak mereka – untuk mendapat bantuan kerajaan semasa kesusahan. Apabila kerajaan enggan memenuhi kehendak mereka, sikap mereka terhadap kerajaan, DEB dan pemimpin politik negara mulai berubah. Kerana tidak ada yang hendak diniagakan lagi, mereka bermiaga khabar angin,

wujudlah – syarikat khabar angin yang tak berdaftar, mereka bertukar maklumat tentang golongan mana yang membolot kontrak, apa hubungan mereka dengan Perdana Menteri, menurut golongan ini kalau tak ada hubungan dengan Perdana Menteri masakan mereka boleh mendapat kontrak tersebut.

Kerana mereka ini golongan yang berpengaruh atau rapat dengan tokoh-tokoh politik berpengaruh, segala khabar-khabar angin yang berpunca dari mereka dianggap sebagai "classified information" yang datang dari "high-placed sources".

Perkara yang disebutkan tadi harus diambil kira kalau kita ingin memahami mengapa sikap kritis terhadap kepimpinan Dr. Mahathir semakin meluas kerana ianya amat berkait dengan kesulitan ekonomi yang dihadapi negara terutamanya golongan peniaga. Sebelum itu, harus juga kita bersikap objektif bahawa sikap kritis terhadap Perdana Menteri tidaklah begitu meluas di kalangan penyokong UMNO.

Mungkin tidak dapat dinafikan sikap ini agak meluas di kalangan penyokong pertengahan. Mungkin kerana mereka ini boleh memainkan peranan sebagai "opinion maker" maka sikap mereka sering dianggap sebagai mewakili pendapat awam.

Sebenarnya pertumbuhan sikap kritis di kalangan orang Melayu dan UMNO patut digalakkan. Tetapi mereka bukan sahaja harus kritis dengan dasar kerajaan dan parti tetapi juga kritis terhadap pendapat-pendapat mereka yang mengkritik kerajaan. Kita harus meneliti sejauh mana kritikan golongan tersebut menggambarkan kepentingan mereka atau luahan dari masalah yang mereka alami atau kegagalan mereka dalam memperolehi peluang perniagaan atau kontrak.

Di kalangan pegawai-pegawai kerajaan kekeciwaan mungkin agak meluas kerana kegagalan tuntutan gaji mereka. Kekeciwaan mereka juga boleh difahami dan harus diberikan simpati. Namun, perkara ini harus dilihat dengan objektif. Memang ada golongan pegawai kerajaan yang bukan sekadar kritis terhadap kerajaan bahkan bersikap anti kerajaan. Mereka mengeluarkan kritikan yang mengeciwakan memandangkan pengalaman dan kelulusan mereka. Misalnya, ada yang meluahkan pendapat bahawa kerajaan tidak mampu untuk menyemak gaji mereka kerana kerajaan sudah muflis akibat dari

skandal BMF padahal skandal tersebut tiada kena mengena dengan kedudukan kewangan kerajaan.

Mereka tidak menyedari bahawa jumlah anggota perkhidmatan kerajaan telah terlalu besar bahkan sama besar kalau pun tidak lebih besar dari perkhidmatan awam di Mexico yang pada suatu masa dahulu hampir muflis. Sebarang kenaikan gaji walaupun pada kadar yang kecil akan melibatkan jumlah yang begitu besar. Padahal wang yang sama boleh digunakan untuk meneruskan pembangunan untuk memperbaiki kedudukan golongan miskin di luar bandar.

Sebenarnya, jumlah anggota perkhidmatan awam yang begitu besar adalah akibat dari dasar kerajaan untuk mengurangkan pengangguran. Kerajaan tidak mampu memberikan gaji yang tinggi kerana akan mengakibatkan perbelanjaan yang terlalu besar. Tetapi kerajaan mungkin mampu untuk memberikan tangga gaji yang lebih lumayan jika jumlah anggota perkhidmatan awam Malaysia adalah kecil. Maka pilihannya ialah sama ada mempunyai jumlah yang lebih ramai, atau jumlah pegawai kerajaan yang kecil tetapi bergaji lumayan. Sebenarnya jika diambil kira kemudahan seperti pinjaman rumah dan kereta, gaji pegawai kerajaan tidaklah banyak bedanya dengan gaji sektor swasta.

Tapi saiz sektor awam yang terlalu besar juga menimbulkan masalah yang besar bagi ekonomi Malaysia. Mungkin ia nya telah berjaya mengurangkan masalah pengangguran tetapi telah menjaskan kecekapan ekonomi pada keseluruhannya. Maka disinilah letaknya peranan pengswastaan.

Pengswastaan menjadi cemohan pegawai-pegawai kerajaan dan juga golongan pembangkang yang pada suatu masa dulu sibuk mengatakan pentadbiran tidak cekap. Apabila Dr. Mahathir mengambil langkah untuk mencekапkan pentadbiran melalui pengswastaan lain pula kata mereka. Masalah kecekapan kerajaan tidak ditimbulkan lagi sebaliknya mereka timbulkan masalah penindasan pekerja oleh sektor swasta, padahal umumnya gaji di sektor swasta adalah lebih lumayan.

Dari sudut ini Dr. Mahathir mempunyai pandangan yang jauh dan mendahulu rakan-rakan beliau di negara-negara membangun yang lain. Mungkin ada negara membangun lain yang ingin mengikut langkah tersebut tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana tidak mempunyai kemampuan poli-

tik. Memang Dr. Mahathir mempertaruhkan populariti politiknya untuk meletakan ekonomi negara pada landasan yang sihat untuk masa depan.

Antara pengkritik dasar pengswastaan Dr. Mahathir ialah golongan cendikiawan di universiti. Kita tidak nafikan di kalangan mereka membuat kritikan dengan ikhlas, semata-mata mahu melihat ekonomi negara subur. Tetapi ada juga yang berselindung di sebalik jubah kecendikiawan mereka. Kritikan mereka semata-mata untuk menghakis pengaruh Perdana Menteri. Kadang-kadang kritikan mereka dalam bentuk kertas-kertas kerja, dalam seminar-seminar lebih merupakan "cheap journalism". Hujah-hujah mereka longgar dan mempunyai tujuan tertentu.

Mereka sepaututnya menjawab laporan-laporan Bank Dunia dan Tabungan Kewangan Antarabangsa yang sejak tahun-tahun kebelakangan ini menganjurkan dasar pengswastaan. Laporan-laporan Bank Dunia ini disediakan oleh pakar-pakar ekonomi ternama dan selalunya lebih berwibawa dari tokoh-tokoh cendikiawan tempatan.

Hujah-hujah yang dikeluarkan oleh laporan tersebut adalah cabaran kepada cendikiawan tempatan. Selain dari pengswastaan, pentadbiran Dr. Mahathir sering dihubung dengan projek-projek industri besar seperti besi waja, simen dan termasuk industri kereta – Proton Saga. Industri berat mempunyai implikasi besar terhadap ekonomi negara, lebih besar dari yang disangkakan oleh mereka yang memimpikan Malaysia menjadi sebuah negara industri yang terhormat.

Mungkin inilah dasar ekonomi Dr. Mahathir yang paling sukar untuk dipertahankan. Kita semua setuju usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang kukuh, tetapi kita mungkin berbeda dalam melihat cara untuk tujuan tersebut. Tetapi Dr. Mahathir amat sensitif terhadap kritikan dasar industri berat dan juga Proton Saga.

Mungkin benar sejarah menunjukkan bahawa negara-negara sekarang yang maju dalam industri mempunyai asas industri besi waja dan kereta. Tapi harus disedari juga bahawa pengalaman ekonomi bukan undang-undang sejarah yang tidak berubah-ubah. Negara-negara seperti Jepun, Amerika dan lain-lain negara Eropah melibatkan diri dalam industri berat dan kereta kerana mereka mempunyai teknologi dan lain-lain lagi "comparative advantage" ketika itu. Mereka tidak akan masuk kepada industri tersebut jika mereka



Di zaman Tun Razak Jambatan Pulau Pinang dirancang, di zaman Mahathir menjadi kenyataan – sekarang menjadi bahan kempen dan kritikan.



Banyak bisul tumbuh di zaman Hussein Onn tetapi bernanah dan pecah di zaman Mahathir.

tidak mempunyai comparative advantage. Sekarang industri berat terutamanya besi waja telah menjadi sunset industri di negara-negara industri, tetapi kita dan lain-lain negara Dunia Ketiga masih mempunyai comparative advantage untuk mengebur diri dalam sektor tersebut.

Dalam hal ini terdapat percanggahan dalam dasar Dr. Mahathir di satu sudut, beliau mahukan pengswastaan tetapi di sudut lain kerajaan memasuki bidang ekonomi yang telah sedia dijalankan oleh sektor swasta, contoh yang paling nyata ialah projek Proton Saga.

Mungkin rakyat Malaysia boleh membeli kereta pada harga yang lebih murah kalau projek Proton Saga tidak dijalankan atau Malaysia tidak mempunyai industri pemasaran kereta langsung. Kerajaan terpaksa memberikan kadar perlindungan yang tinggi kepada industri pemasangan kereta di Malaysia, dan kadar perlindungan ini dinaikkan lagi dengan perlaksanaan projek Proton Saga.

Kita harus melihat dengan objektif. Apakah kita mahu membanggakan kebolehan Malaysia untuk mengeluarkan kereta sendiri ataupun kita mahu simpati dengan golongan berpendapatan sederhana yang semakin lama semakin tidak mampu untuk memiliki kereta kerana harganya yang terus naik.

Namun begitu Dr. Mahathir punya alasannya sendiri. Beliau memandang jauh ke depan. Projek kereta adalah projek jangka panjang dan tidak boleh mengharapkan keuntungan dalam jangka masa pendek. Gagal atau tidaknya projek tersebut mungkin boleh ditentukan 10 tahun dari sekarang. Asas sudah ada, terserahlah kepada para jurutera dan mereka yang terlibat untuk melanjutkan idea Dr. Mahathir. Majoriti para jurutera di HICOM adalah anak-anak bumiputra hasil didikan dan sumbangan Dasar Ekonomi Baru.

Di samping kita mengkritik Dr. Mahathir, kita harus juga melihat usaha-usaha beliau untuk memperbaiki nasib golongan miskin. Ini sebenar tradisi UMNO yang terus memperjuangkan nasib golongan berpendapatan rendah terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Walaupun kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan pembangunan sebagai langkah berjimat cermat, projek untuk membasmi kemiskinan tetap diteruskan. Bahkan beliau meletakan orang kepercayaan beliau, Anwar Ibrahim dan kini Datuk Sanusi Junid untuk memperkuatkan Kementerian Pertanian.

Dr. Mahathir memang sedaya upaya untuk mengatasi masalah ekonomi negara. Ada bidang yang tidak mampu beliau laksanakan. Masalah kejatuhan harga bahan mentah terutama petroleum dan minyak sawit. Tidak ada siapa yang menjadi Perdana Menteri masa ini boleh menyelesaikan masalah tersebut dalam sekilip mata, kerana harga barang utama tidak ditentukan oleh kabinet. Harga barang utama ditentukan oleh jutaan manusia seperti pengeluar, pengguna dan pedagang. Ada kalanya golongan tertentu yang mempengaruhi pasaran menjalankan taktik kotor untuk menaikkan dan menurunkan harga barang untuk keuntungan mereka. Perkara ini telah disedari oleh Dr. Mahathir. Beliau mungkin pemimpin politik Dunia Ketiga yang pertama menyatakan kritikan terbuka terhadap golongan yang memanipulasi pasaran komoditi.

Kemelesatan ekonomi yang melanda negara adalah tidak dapat dielakkan kalau Malaysia mahu terus menjalankan dasar ekonomi terbuka dan tidak mahu jadi negara sosialis seperti Burma. Umumnya negara yang menjalankan dasar ekonomi terbuka adalah lebih maju dari negara yang menjalankan dasar ekonomi tertutup, meskipun negara yang menjalankan ekonomi terbuka mengalami pasang surut antara inflasi dan kemelesetan.

Belum pernah seorang Perdana Menteri Malaysia menghadapi masalah ekonomi seperti yang dihadapi oleh Dr. Mahathir. Perdana Menteri sebelum beliau mentadbir negara dalam kemewahan terutamanya di zaman Tun Hussein Onn. Malaysia memerlukan pemimpin yang berkaliber untuk memberikan pimpinan dalam zaman kesusahan. Orang ramai tidak memerlukan pemimpin di zaman kemewahan, tetapi mereka memerlukan pemimpin yang bukan sekadar berani tetapi berani berterus terang di zaman yang sukar ini.

Bayangkan jika Hussein Onn yang melalui tahap yang dilalui oleh Dr. Mahathir malahan ada bisul yang mula tumbuh di zamannya dan bengkak serta pecah di zaman Mahathir. Dr. Mahathir terpaksa membasuh nanah dan darah, mujur dia seorang doktor perubatan.

Tiada siapa pun yang menjadi Perdana Menteri ketika ini yang mampu memulihkan kemelesatan ekonomi dengan sekilip mata. Mahu dikatakan kerana Dr. Mahathir anti Yahudi yang menyebabkan kemelesetan – ternyata ada negara yang begitu rapat dengan Yahudi seperti Singapura, juga meng-

alami masalah yang sama. Thailand yang begitu baik hubungannya dengan Amerika Syarikat juga mengalami kejatuhan harga barang yang mereka keluarkan.


Sekarang sudah ada tanda-tanda ekonomi akan pulih, harga barang utama mulai naik, malahan di atas daripada jangkaan asal. Mujur tanda-tanda ini muncul sebelum Dr. Mahathir dijatuhkan, jika tidak sahlah dakwaan penentang Dr. Mahathir bahawa angkaranyalah yang menjadikan ekonomi meleset.



Daim bukan pengkhianat tetapi penyelamat.

Satu lagi idea Mahathir yang menjadi kenyataan.

Sambutan untuk Dr. Mahathir di Alor Star.



KRISIS MAHATHIR – MUSA

Bukannya rahsia lagi bahawa semasa pertandingan merbut jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981, Dr. Mahathir telah memihak dan menyokong Datuk Musa. Dr. Mahathir tidak dapat mengelak diri dari berpihak kepada Musa yang ditentang oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Sokongan kepada Musa tidak dibuat secara terbuka sebaliknya dikatakan orang kepercayaan Dr. Mahathir telah menemui atau menelefon meminta perwakilan mengundi Musa. Datuk Sanusi Joned yang menjadi orang kuat Dr. Mahathir secara terbuka berkempen untuk membantu Datuk Musa dan di kalangan orang Tengku Razaleigh, Datuk Sanusi disifatkan lebih Musa dari Musa. Semuanya kerana kuatnya Datuk Sanusi berkempen.

Datuk Megat Junid juga secara terbuka berkata Dr. Mahathir telah menyokong Musa ketika itu. Beliau sendiri dikatakan telah diarahkan oleh Dr. Mahathir berkempen untuk Datuk Musa. "Kemenangan untuk Musa yang dikehendaki oleh Dr. Mahathir adalah kerana mereka sahabat karib sejak tahun 1960an lagi," katanya. Persahabatan itu, tambah beliau menjadi bertambah rapat apabila Datuk Musa dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ramai yang menyokong Datuk Musa ketika itu termasuklah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Seri Rahim Thamby Chik, Datuk Seri Ramli Ngah Talib, Encik Anwar Ibrahim dan ramai lagi.

Sokongan yang diberikan kepada Datuk Musa semata-mata atas kehendak Dr. Mahathir yang mahukan kerajaan 2M ketika itu kukuh. Maka tidak hairanlah jika Tengku Razaleigh Hamzah berkecil hati dengan sikap Dr. Mahathir yang tidak berlaku adil dalam hal ini. Tentulah sebagai manusia biasa Dr. Mahathir lebih suka orang yang boleh diharap dan diper-



Krisis Tengku – Mahathir tidak sehebat sekarang.



Datuk Abdullah Ahmad (kanan) – orang kepercayaan Tun Razak – sekarang baik dengan semua.

caya untuk dilantik menjadi timbalannya. Soalnya mengapa Dr. Mahathir tidak melantik Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri, sebelum Perhimpunan 1981? Sebaliknya menyerahkan perkara perlantikan Timbalan Perdana Menteri kepada perwakilan. Setelah terpilih barulah calon itu diambil oleh Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Seperti yang disebut oleh Datuk Megat Junid, Musa dan Mahathir telah bersahabat sejak tahun 1960an lagi. Bererti kedua-duanya sudah lama mengenali satu sama lain. Kedua-duanya bukan saja menempuh gelora politik sendirian bahkan dua serangkai ketika itu kurang disenangi oleh Tunku Abdul Rahman.

Akibat dari kelantangan, Dr. Mahathir telah dipecat dari UMNO, hasil keputusan Mesyuarat Majlis Tertinggi yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri tanpa kehadiran Tunku. Datuk Musa yang memegang jawatan Pembantu Menteri kepada Timbalan Perdana Menteri juga dipecat dari jawatannya. Datuk Musa berlepas ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran.

Politik UMNO yang kian membara itu ditinggalkan dengan membiarkan tokoh-tokoh lain meneruskan perjuangan. Dr. Mahathir pula sebaliknya bertindak semakin lantang mengkritik kepimpinan Tunku, sehingga mendapat label "ultra/pelampau". Kebetulan pula beliau sangat popular di kalangan pelajar universiti dan sering diundang untuk memberikan ceramah. Di waktu inilah juga persahabatannya dengan Anwar Ibrahim yang ketika itu menjadi pemimpin mahasiswa Universiti Malaya mula terjalin.

Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di bawah pimpinan Datuk Harun Idris kerapkali memberi ruang kepada Dr. Mahathir untuk menyuarakan pendapatnya. Pernah beberapa kali Tunku merasa sangsi dengan Datuk Harun yang seolah-olah lebih mempertahankan Dr. Mahathir dari Tunku.

Meskipun Dr. Mahathir memerlukan kawan untuk meneruskan perjuangan murni itu, Musa yang sepatutnya menjadi sahabat seperjuangan sebaliknya jauh berada di luar negeri. Tetapi ini tidak mematikan semangat perjuangannya bahkan dia menggunakan apa juar kesempatan dan ruang untuk menegur Tunku. Maka tidak hairanlah Dr. Mahathir pernah bercakap di atas platform PAS untuk membidas Tunku.

Sejak tahun 1981, hubungan Mahathir-Musa semakin erat.

Kemuncak kepada hubungan ini termetrai perjanjian bantu membantu antara mereka berdua. Sebaik saja Tun Hussein Onn melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 15 Mei, 1981, jawatan itu segera diisikan oleh orang keduanya, Dr. Mahathir. Dr. Mahathir pula berhak menentukan orang keduanya sebagaimana dilakukan oleh bekas-bekas Perdana Menteri sebelumnya. Tetapi Dr. Mahathir mengambil jalan bijak dengan membiarkan Perhimpunan Agong UMNO pada tahun 1981 menentukan calon Timbalan Perdana Menteri.

Dalam diam-diam Dr. Mahathir membantu Musa, maka berlakulah pertarungan sengit antara Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah. Hubungan Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh boleh dianggap baik kerana Dr. Mahathir pernah mencadangkan Tengku Razaleigh dilantik memangku jawatan Naib Presiden UMNO berikutan kematian Tun Dr. Ismail pada tahun 1975. Waktu itu Dr. Mahathir adalah salah seorang dari Naib Presiden UMNO. Sebaik saja Tun Hussein dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO, maka jawatan Naib Presiden menjadi kosong. Lantas Dr. Mahathir mencadangkan Tengku Razaleigh yang ketika itu menjadi "buah hati" Tun Razak ke jawatan tersebut.

Sejauh manakah cadangan itu untuk menarik perhatian Tun Razak tidaklah diketahui kerana sekalipun Dr. Mahathir dibawa semula ke pangkuhan UMNO di zaman Tun Razak, usaha membawanya memasuki UMNO dibuat oleh Datuk Harun Idris. Dr. Mahathir tentu masih ingat dia dibuang dari UMNO kerana mengkritik Tunku dan mesyuarat Majlis Tertinggi yang mengambil tindakan memecat Dr. Mahathir itu dipengerusikan oleh Tun Razak.

Lojiknya tentulah Tun Razak turut bertanggungjawab memecat Dr. Mahathir meskipun menurut cerita, Tunku yang mahukan Dr. Mahathir dipecat. Tetapi suatu perkara yang menjadi tanda tanya ialah sekiranya Tun Razak tidak senang dengan Dr. Mahathir tentulah dia tidak akan membantu memulihkan semula politik Dr. Mahathir. Pada tahun 1975, Dr. Mahathir ikut serta bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Datuk Abdullah Ahmad, ahli parlimen Kok Lanas sekarang merupakan orang berpengaruh di zaman Tun Razak. Dia telah mencadangkan kepada Tun Razak supaya membantu tiga orang Naib Presiden. Tun Razak semasa berucap merasmikan

Perhimpunan Agung UMNO menyebut nama tiga calon naib presiden – Dr. Mahathir, Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh. Usaha Tun Razak nyata menghasilkan kemenangan kepada tiga calon berkenaan. Jadi hubungan Dr. Mahathir dengan Tun Razak sekali gus Tengku Razaleigh telah lama terjalin.

Jadi teori mengatakan hubungan Dr. Mahathir dengan Tun Razak tidak akrab mungkin ditimbulkan untuk menghukum politik Dr. Mahathir yang waktu itu sedang berkembang.

Pada tahun 1981, Perhimpunan Agung UMNO ke 32, apabila Datuk Musa bertanding melawan Tengku Razaleigh, Dr. Mahathir secara tidak langsung terlibat berkempen untuk Datuk Musa. Ini amat dikesali oleh orang-orang Tengku Razaleigh yang mengingati semula zaman Tun, Datuk Musa muncul sebagai calon Timbalan Presiden UMNO. Beliau mendapat 722 undi berbanding dengan Tengku Razaleigh yang mendapat 517 undi. Keputusan memberikan kemenangan itu diumumkan oleh pengurus tetap Datuk Sulaiman Ninam Shah pada 6.25 petang.

Sekali lagi pada tahun 1984, Datuk Musa mengekalkan kedudukannya selaku Timbalan Presiden dengan mengalahkan dua calon lain. Datuk Musa memungut 744 undi berbanding dengan Tengku Razaleigh 501 undi dan Datuk Harun hanya mendapat 34 undi. Kemenangan itu menurut pemerhati politik mengukuhkan regu 2M dan penerimaan ahli-ahli UMNO terhadap kepimpinan 2M.

Tidak siapa menduga regu 2M akan berpecah kerana sejak 1981, umumnya mengira regu 2M adalah regu yang ideal. Melalui sepucuk surat bertarikh 26hb Februari, Datuk Musa telah menghuraikan punca dia meletakan jawatan. Datuk Musa memberitahu keinginannya untuk mengundur diri dari jawatan kerajaan pada 27hb Januari, 1986 lagi, sebelum beliau bertolak ke Davos, Switzerland. Datuk Musa memberi lima sebab penting mengapa dia meletakan jawatan.


Pertama, prinsip saya berkhidmat dan menjalankan tugas berasas kepada kepercayaan penuh, commitment dan dengan sukacita hati saya sendiri. Commitment sudah merosot kerana tidak dipercayai dan kegembiraan sudah menjadi duka. .

Kedua, walaupun saya buat sesuatu dengan cara apapun, saya akan berbuatnya dengan takut-takut ditomah atas motif kepentingan politik saya sendiri.

Ketiga, kenyataan-kenyataan umum beberapa orang Menteri dan saudara sendiri (Dr. Mahathir) atas pihak-pihak ter-

Dr. Mahathir sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, sebelum berangkat ke Eropah untuk menarik pelaburan.

Suasana serious sewaktu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.



tentu yang cuba 'memecah-belah' menjatuhkan kerajaan' serta' kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti' yang mencemarkan nama baik saudara (Dr. Mahathir) sebagai Perdana Menteri dan kata-kata khusus bahawa 'Doctor cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerful now . . .' semua ini menekan fikiran saya. Tambah lagi aktiviti-aktiviti commando-commando dengan rancangan-rancangan khusus mereka merisau fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecah-belah dan saya dilibatkan.

Keempat, lagi lama saya terus memegang jawatan, lagi hebat tomah-mentomah berterusan. Kalau saya terus bekerja kuat, ini akan disalah tafsir, kalau sebaliknya, lebihlah lagi. Sebenarnya, saya bercadang meletakan jawatan sebaik saja pulang dari Davos, Switzerland. Tetapi saya telahpun meminta supaya lawatan saudara ke Johor pada 20hb. dan 21hb. Februari disambut secara besar-besaran dan dijayakan.

Kelima, dengan saya meletakan jawatan sekarang, ini akan membolehkan saudara memilih orang yang saudara percaya penuh bagi membantu saudara berhadapan dengan rakyat nanti. Ini akan mengekalkan juga perpaduan parti dengan saya sendiri tidak menentang saudara atau mengecam saudara.


Dengan sendirinya perletakan jawatan Musa menyulitkan kedudukan Dr. Mahathir kerana terlibat di dalam menyokong Musa awal-awal lagi. para penyokong Tengku Razaleigh tentulah masih merasa hampa dengan sokongan tersebut kerana mereka mengharapkan sekurang-kurangnya Presiden UMNO berkecuali dalam hal ini.

Pada masa yang sama juga krisis Mahathir – Musa ini mengwujudkan kem Dr. Mahathir dan kem Musa. Di dalam kabinet sendiri yang sewajarnya berfungsi secara kolektif, kewujudan kem ini boleh menjaskan pentadbiran kerajaan. Tidak boleh diketepikan jika ada anggota kabinet yang tidak sukakan Dr. Mahathir boleh mensabotaj dasar kerajaan ataupun membocorkan beberapa rahsia kerajaan. Hal ini pun dibangkitkan oleh Encik Mustapha Muhammad yang mendakwa ada anggota kabinet menikam dari belakang.

Sehingga kini sama ada Mahathir atau Musa tidak menjelaskan sejauh mana tajamnya perbezaan pendapat mereka. Mereka masih boleh berbalas senyum walaupun nampaknya



Ketawa bersama – waktu ini semuanya baik dan indah belaka.




Dulu sokong penuh, sekarang penuh lagi ke?

SOKONG PREMIUM



Dr. Mahathir satu-satunya tokoh dunia Islam yang lantang memperkatakan yang hak di peringkat antarabangsa termasuk isu Palestin.




Penghormatan Pemuda BN kepada Dr. Mahathir.

pahit. Tetapi lebih pahit dirasakan oleh ahli dan pengikut biasa UMNO.


Dengan perletakan jawatan Musa wujudlah krisis dan fitnah terhadap Dr. Mahathir pun bermula. Khabar angin mula tersiar dengan andaian yang berbagai-bagai. Orang menjangka Dr. Mahathir akan menghentam Musa di dalam Perhimpunan lalu tetapi andaian tersebut meleset.

Lojiknya jika tuduhan terhadap Dr. Mahathir mempunyai bukti sudah pasti faktor-faktor yang dikemukakan tidaklah berlegar di lobi-lobi hotel atau di kedai-kedai kopi – sudah pasti Dr. Mahathir telah pun diseret ke muka pengadilan mahkamah.

Krisis Mahathir – Musa bukan masalah faraid harta atau berebutkan seorang wanita yang jelita tetapi satu pertengangan dalaman yang melibatkan "vision" dan "mission". Apakah salah seorang darinya menjadi pengkhianat bangsa, negara dan agama? Sejarah pasti akan menjawab soalan ini. Apatah lagi sejak akhir-akhir ini qada, Tuhan segera berlaku tanpa menunggu waktunya seseorang.




Semasa baik gembira bersama.



Dr. Mahathir puji Rais Yatim kerana berani bakar jambatan.



Lawatan Dr. Mahathir ke Kelantan turut bersama beliau ialah Tengku Razaleig dan Datuk Sanusi Joned mereka disambut oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Yaakob.



Timbalan Perdana Menteri kelihatan simple.

KRISIS TIMBALAN PERDANA MENTERI

Apakah seorang Timbalan Perdana Menteri secara otomatis akan mewarasi jawatan Perdana Menteri? Sehingga sekarang jawapannya ya! Kerana sejak Tun Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi dia kemudian dilantik menjadi Perdana Menteri berikutan perletakan jawatan Tunku Abdul Rahman. Semasa beliau menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman diangkat menduduki tempat kedua di dalam kerajaan. Bagaimanapun peluang Tun Dr. Ismail untuk menjadi Perdana Menteri musnah apabila beliau meninggal dunia dalam bulan Ogos, 1983 sebelum hasratnya itu tercapai. Lain-lain Timbalan Perdana Menteri seperti Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir, masing-masing menjadi Perdana Menteri. Kecuali Datuk Musa dan Encik Ghafar Baba, kedua-dua tokoh ini belum diketahui sama ada akan menjadi Perdana Menteri atau tidak akhirnya.

Datuk Musa hampir menjadi Perdana Menteri tetapi meletakan jawatan kerana hilang kepercayaan kepada bossnya, Dr. Mahathir. Bagaimanapun setelah dipujuk kembali sebagai Timbalan Presiden UMNO yang secara otomatis akan memangku jawatan Presiden UMNO andaikata Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO meletakan jawatan. Tentulah sebagai pemangku Presiden beliau secara mudah akan menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun sehingga sekarang sukar sekali ramalan hendak dibuat berhubung masa depan Datuk Musa yang turut mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO 24 April ini. Melihat dari beberapa perkembangan sejarah ini beranilah kita katakan UMNO masih mengekalkan tradisi

Timbalan Perdana Menteri secara mutlak akan menjadi Perdana Menteri.

Jika dilihat pula dari siapakah yang menjadi Timbalan Perdana Menteri, calon-calon itu adalah calon yang memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO. Kecualilah calon Timbalan Presiden seperti Datuk Musa tidak mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri maka calon-calon dari Naib Presiden akan dipertimbangkan. Maka tak hairanlah Tun Hussein, Dr. Mahathir dan Encik Ghafar pernah memegang jawatan Naib Presiden sebelum dilantik menjadi Timbalan Presiden UMNO.

Atas kesedaran sebagai Naib Presiden juga mempunyai peluang yang cerah untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri seterusnya Perdana Menteri menyebabkan rebutan untuk jawatan Naib Presiden juga turut sengit.

Dalam Perhimpunan Agong UMNO 1984, terdapat tujuh orang calon bertanding untuk tiga jawatan naib presiden. Maka para pelobi begitu sibuk bekerja keras untuk menjamin kemenangan calon-calon mereka. Kata orang semakin kuat bekerja, semakin besar ganjaran. Datuk Seri Sanusi yang bekerja keras untuk menjamin kemenangan Datuk Musa turut bertanding bagi jawatan Naib Presiden dengan harapan akan mendapat sokongan dari orang-orang Datuk Musa. Sebagai orang yang lebih rapat dengan Perdana Menteri, tentulah Datuk Seri Sanusi mengira peluang dia untuk menang adalah lebih cerah. Malangnya orang-orang Datuk Musa menyokong Datuk Abdullah Ahmad Badwi dan menolak Datuk Seri Sanusi. Beliau jatuh ke tempat keempat.

Dalam Perhimpunan Agong UMNO kali ini rebutan jawatan-jawatan Naib Presiden lebih sengit lagi kerana calon-calon yang bertanding masing-masing berkaliher dan mewakili kem-kem tertentu.

Kemasukan Anwar Ibrahim menghangatkan lagi kempen-kempen kerana umum mengira jika Anwar menang dia semakin hampir ke jawatan Timbalan Perdana Menteri. Pendapat yang meminta Anwar kekal memimpin Pergerakan Pemuda turut disyorkan oleh beberapa cawangan. Malahan usul dari bahagian Tanjung, Pulau Pinang, meminta agar Anwar tidak bertanding. Tetapi EXCO Pergerakan Pemuda menyokong Ketua mereka untuk bertanding jawatan naib presiden. Kesemua usul-usul tersebut mempunyai muslihat tersendiri, ada yang mahukan Anwar naik cepat dan ada

juga yang tak senang disebabkan untuk mempertahan kuda lama.

Kerana jawatan-jawatan Naib Presidenlah maka berlaku kempen-kempen yang begitu panas dan menghiris perasaan. Kerana hanya tiga jawatan Naib Presiden maka orang-orang yang berminat terpaksa bekerja keras, lebih keras dari kemen pen pilihanraya umum 2 dan 3 Ogos 1986 lalu.

Bagi Dr. Mahathir belum dipastikan sama ada dia akan secara terbuka atau tidak menunjukkan calon-calon pilihannya. Tun Razak pernah dalam ucapannya secara terang-terang meminta memilih tiga calon yang disebutkan namanya mereka.

Menyedari keretakan di dalam barisan pemimpin boleh berlaku kerana adanya rebutan jawatan-jawatan Naib Presiden maka satu formula untuk menghindari perpecahan ini mesti difikirkan.

Sehingga ini tidak ada syor yang boleh dikira bernas melainkan formula "kompròmi" saja yang diutarakan oleh beberapa pihak. Dalam kompromi itu, semua jawatan tertinggi di dalam parti tidak dipertandingkan. Tujuannya untuk memastikan perpaduan parti. Selain daripada itu, tindakan ini akan menjadi contoh kepada cawangan dan bahagian supaya dikurangkan ketegangan ketika pemilihan pucuk pimpinan.

UMNO harus mengadakan pendekatan 'syura' – bukan sahaja dapat mengurangkan ketegangan, lobi-melobi malahan dengan cara ini akan dapat melahirkan pimpinan yang benar-benar layak dan insaf bahawa jawatan adalah **amanah** yang akan dipersoalkan bukan saja di dunia malahan di akhirat.

Bagaimana kalau perwakilan UMNO mencadangkan melalui usul tergempar supaya jawatan Timbalan Perdana Menteri dihapuskan saja. Jika diteliti jawatan Timbalan Perdana Menteri inilah yang mengakibatkan berlakunya krisis di peringkat tertinggi di dalam parti. Jika krisis, itu melibatkan Menteri Besar ataupun ahli parliment ianya boleh diselesaikan secara mudah. Contohnya kerana tidak direstui memegang jawatan Menteri Besar Pahang, Haji Rahim Bakar di bawa ke pusat dan dilantik menjadi Timbalan Menteri.

Secara yang sama juga berlaku kepada Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi yang berhadapan dengan Sultan Perak. Baginda mahukan Tan Sri Ghazali dipecat dari jawatan Menteri Besar Perak. Krisis itu akhirnya selesai apabila Tan

Sri Ghazali meletakan jawatan. Krisis seumpama ini boleh diselesaikan kerana ianya melibatkan para pemimpin di peringkat negeri atau dianggap kurang penting. Jawatan Menteri Besar tidak pernah dianggap sepenting dari jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kerana jika seseorang itu menjadi Timbalan Menteri Besar, dia boleh menentukan siapakah bakal Menteri Besar bagi sesuatu negeri. Kuasa begini yang diidamkan oleh Tengku Razaleigh ataupun Datuk Musa semasa mereka bertanding dalam tahun 1981.

Oleh kerana Perdana Menteri membiarkan pilihan Timbalan Perdana Menteri dibuat oleh perwakilan maka kempenkempen begitu hebat. Dari menggunakan bomoh, politik wang kepada penggunaan jentera kerajaan. Di sana sini orang menjamu perwakilan. Dalam beberapa minggu, perwakilan mendapat apa jua yang mereka kehendaki. Pemberian permit lori atau teksi, AP dan berbagai lesen kerana termakan budi dan berbudi seolah tiada kawalan. Setengah pihak berpendapat selepas pemilihan, UMNO kembali bersatu. Perpecahan hanya sementara waktu. Tapi tanyalah mereka yang menjadi mangsa apabila calon-calon yang mereka sokong itu tewas. Permit tak dapat, perniagaan terjejas. Maka timbulah perasaan benci yang tak terhingga di dalam hati. Akibatnya timbulah fitnah menfitnah dan surat-surat layang untuk memburu-burukan sesuatu pihak.

Perwakilan harus memikirkan hal ini secara matang dan masak. Satu syor yang mungkin dapat menghindari segala krisis ini ialah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri dimansuhkan. Dengan tiadanya jawatan Timbalan Perdana Menteri maka Perdana Menteri akan secara sendirian bertanggungjawab kepada kabinet dan rakyat.

Sekiranya Perdana Menteri bercuti maka Perdana Menteri berhak melantik pemangku. Pemangku Perdana Menteri tidak semestinya menjadi Perdana Menteri. Dan Pemangku Perdana Menteri tidak semesti disandang oleh orang yang sama. Dalam keadaan sekarang, pemangku boleh disandang oleh Ajib Ahmad, Anwar, Sanusi, Datin Rafidah ataupun Tengku Ahmad Rithaudeen.


Cara dapat mengelakkan perasaan iri hati. Keadaan ini sebenarnya sudah wujud di peringkat negeri dan pemilihan Yang Dipertua Negeri. Sebagai contoh di Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahman Abbas pernah memangku jawatan Ketua Menteri semasa ketiadaan Dr. Lim Chong Eu. Begitu

juga dengan Datuk Khor Gark Khim. Bagi Datuk Abdul Rahman, tidak bererti sebagai pemangku dia akan menjadi Ketua Menteri. Dia sedar jawatan itu adalah budibicara Perdana Menteri.

Datuk Marzuki pernah memangku jawatan Yang Dipertua Sarawak tidak berpeluang menjadi Yang Dipertua Negeri. Beberapa buah negeri melantik pemangku semasa Ketua Menteri bercuti ke luar negeri ataupun ada urusan rasmi. Tetapi ramai yang menjadi pemangku itu sama ada terkeluar dari jawatan EXCO selepas pilihanraya ataupun calon lain diambil menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri. Jawatan Perdana Menteri adalah pemegang amanah rakyat dan harus bersedia memikul tugas yang berat. Ada Perdana Menteri dicaci dan dihina kerana mengambil sesuatu keputusan berhubung dengan sesuatu dasar. Ada Perdana Menteri dipuji kerana kebijaksanaan melaksanakan sesuatu program. Adakala Perdana Menteri terpaksa menanggung risiko walhal keputusan itu dibuat oleh anggota kabinet.


Bahkan jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak termaktub di dalam perlembagaan, ia adalah budibicara Perdana Menteri. Jika Perdana Menteri tidak mahu melantik Timbalan Perdana Menteri, tidak siapa boleh mementang. UMNO sendiri tidak boleh menentang keputusan itu. Cuma usul ini semata-mata satu pernyataan suara meminta jawatan berkenaan dimansuhkan supaya sebarang krisis dapat dielakan.


Sekiranya berlaku perubahan di peringkat Perdana Menteri, maka Parti boleh bersidang untuk membincangkan. Lantas parti menguasai kerajaan akan lebih berfungsi dan di sini parti berhak menentukan siapakah bakal menjadi Perdana Menteri. Atau sebelum Perdana Menteri meletakan jawatan, beliau berhak menentukan siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri. Calon yang disyor oleh Perdana Menteri itu akan dipertimbangkan oleh Majlis Tertinggi dan terserahlah kepada Majlis Tertinggi untuk membuat ketetapan. Namun demikian morallah yang menjadi kayu pengukur sama ada proses berjalan dengan sihat atau kotor.



20 tahun lalu – Encik Ghafar Baba (Ketua Menteri Melaka) menyerahkan cek untuk Tabung Bantuan Bencana Negara kepada Tun Abdul Razak – Timbalan Perdana Menteri.

Terbayang betapa susahnya menanggung beban sebagai Timbalan Perdana Menteri.





Bermesra dengan tokoh-tokoh pembangkang – jika diktator tak mungkin bertemu mereka semuanya berada di penjara.

Dr. Mahathir sejak itu menjadi Menteri Pelajaran.

SELAMAT DATANG

MENCARI PEMIMPIN

Mencari pemimpin bukannya mudah tetapi tidaklah juga payah. Di zaman sekarang mencari pemimpin tidak perlu menyusahkan diri ataupun menggunakan sistem purba seperti menggunakan gajah putih atau cermin hikmat.

Cara mencari pemimpin menggunakan gajah putih seperti dalam cerita Raja Bersong sudah lama ditelan zaman. Cara itu tidak boleh digunakan lagi. Jika digunakan maka proses demokrasi yang menjadi tiang seri UMNO akan dipersenda-senda dan mungkin UMNO akan menjadi macam Parti Kongress di India. Kerana tidak sukaan Indra Ghandi maka sekumpulan puak di dalam Parti Kongress menubuhkan Kongress Dua.

Dalam UMNO sejak tahun 1951, proses pemilihan pemimpin dibuat secara demokrasi dan teratur. Sekalipun selepas pemilihan seseorang pemimpin, pihak yang kalah akan merasa keciwa, tetapi UMNO tetap kukuh dan utuh. Pemimpin baru mengambil alih jawatan dan meneruskan beberapa dasar lama. Dasar-dasar baru untuk membantu orang-orang Melayu meninggikan taraf hidup dan menikmati kemewahan di tanahair sendiri digubal dari masa ke semasa.

Bagi pengkaji sejarah tanggal 30hb. Jun, 1951 akan menjadi batu tanda di dalam sejarah pemilihan pertama pemimpin UMNO secara demokrasi. Perbincangan telah dibuat di Hotel Majestic, yang terletak di hadapan stesyen keretapi, yang kini menjadi Balai Seni Lukis Negara. Ketua Jabatan Agama UMNO Malaya, Haji Ahmad Fuad telah menyatakan kemungkinan besar Hussein Onn akan meninggalkan UMNO dan jawatan Setiausaha Agong untuk menyertai Parti Kemerdekaan Malaya atau IMP. Manakala Sardon Jubir telah dicalonkan untuk menggantikan Hussein Onn.

Siapa yang bakal menggantikan Dato' Onn? Beberapa nama turut dicalonkan. Masing-masing mahukan calon yang mereka ketengahkan diterima oleh ahli-ahli jawatankuasa. Apa yang mungkin menarik perhatian kita ialah cara pemimpin itu dicari dan kriteria yang digunakan. Catatan Haji Ahmad Fuad yang kemudian disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan antara lain berbunyi: *orang yang bakal mengambil alih tempat Dato' Onn mestilah berumur antara 38 hingga 45 tahun, tidak bekerja dengan kerajaan, tahu politik Malaya, berpelajaran dan luas pergaulannya.*

Tapi tak lama kemudian Tunku Abdul Rahman, anak raja dari Kedah dipilih untuk memimpin UMNO. Kata Tunku apa yang terjadi kepada beliau adalah kehendak Tuhan. "Mana saya sangka saya akan menjadi Perdana Menteri. Dahulu semasa saya di Kedah saya menjadi Ketua SEBERKAS, kemudian mereka tidak mahu saya lagi. Jadi saya pergi ke England mengambil ilmu undang-undang, dan setelah kembali saya menjadi DPP. Kemudian entah macam mana Dato' Onn meletakan jawatan dalam UMNO dan mereka melantik saya menjadi Ketua UMNO," kata Tunku. Menurut beliau lagi, "Tun Razak langsung tidak tolong saya waktu itu sebab beliau ketika itu masih menjadi orang Dato' Onn dan beliau tidak sangka saya boleh menang. Setelah saya menang baru dia datang kepada saya".

Semasa UMNO mencari Pemimpin, ramai yang tidak mahu menerima jawatan Yang Dipertua Agong UMNO (sekarang Presiden). Tunku mengakui ramai tidak mahu jawatan ini tapi beliau menerimanya. Dan di zaman tunku timbulah komplot untuk menjatuhkannya.

Dalam konteks ini Tunku berkata, "Semasa Dato Onn meletakan jawatan ... tidak siapa mahu menjadi pemimpin. Semua orang tolak, hingga sampai kepada saya dan saya terima beban itu. Setelah saya menjadi Perdana Menteri dan telah mencapai kemajuan yang sangat besar, hingga masyhur ke luar negeri, maka ramailah yang hendakkan tempat saya. Sebenarnya dua tahun sebelum saya berhenti, saya sudah beritahu, iaitu apabila anak saudara saya (Sultan Kedah) menjadi Yang Dipertuan Agong, saya akan meletakan jawatan. "Jadi saya pun meletakan jawatan apabila masa itu tiba, tidak berganjak walau sehari pun. Orang-orang yang mahu saya segera berhenti tidak berani buang saya. Bagaimanapun saya berhenti dengan senang hati" kata Tunku. Seperti kata

Tunku setelah UMNO kuat dan negara maju, berebut-rebutlah ahli UMNO hendak merebut jawatan parti dan kerajaan.

Lama kelamaan mencari pemimpin agak payah kerana politikingnya semakin sophistikated. Kekuatan peribadi sahaja tanpa bantuan kewangan tidak boleh menjamin seseorang pemimpin itu bertapak begitu lamà. Lantas bermulalah era politik wang, untuk memenangi jawatan-jawatan penting. Bagi mengurangkan politik wang ini, Majlis Tertinggi membentuk jawatankuasa Etika yang dipengerusikan oleh Tan Sri Khir Johari bagi mencegah penggunaan wang dalam mencari pengaruh etika ini.

Bagi pemimpin yang pandai mencari isu maka namanya menguasai dada-dada akhbar. Sejak munculnya TV3, perhatian tertumpu kepada wajah tokoh-tokoh UMNO yang disiarkan oleh pihak TV. Di Amerika, TV sudah menjadi begitu penting sehingga calon-calon Presiden Amerika terpaksa belajar menjadi pelakun agar rakyat tertarik dengan imej yang ditonjolkan itu. Professor James David Barber dari University Duke berkata "sekarang ialah zaman media". Maka kebanyakan pemimpin UMNO yang mendapat liputan baik, sama ada oleh akhbar atau TV, dengan mudah menjadi popular.

Para wartawan menjadi rebutan tokoh-tokoh politik, berkawan dengan pihak media bererti menanam saham. Semakin ramai berkawan dengan para wartawan maka semakin banyak publisiti percuma diperolehi.

Dan para wartawan sendiri tidak seperti 20 tahun yang lalu, kini sudah pandai menggunakan kesempatan untuk berjinak-jinak dengan dunia perniagaan. Walaupun tak setetara wartawan di sebuah negara jiran yang terang-terang mengamalkan wartawan "envelope" iaitu menerima sampul surat yang berisi sesuatu sebaik sahaja sidang akhbar berlalu. Kerana berbaik-baik dengan para menteri atau timbalan menteri maka ada wartawan menjadi mewah hidup kerana peluang perniagaan diperolehi dengan mudah. Kata seorang wartawan, "kita pun rakyat biasa, kalau orang lain boleh minta, mengapa kita tidak boleh memohon".

Kemunculan semula Hussein Onn seolah mengemparkan dunia politik UMNO. Hussein Onn membawa diri setelah bapanya keluar dari UMNO untuk menuju IMP. Apabila Tun Razak berkuasa, Hussein diambil masuk kabinet sebagai Menteri Pelajaran. Akhirnya beliau menjadi Perdana

Menteri. Sebaik saja menjadi Perdana Menteri, dia mengambil anak sulong Tun Razak, Datuk Najib menjadi Timbalan Menteri yang kemudian menjadi Menteri penuh di zaman Mahathir.

Munculnya Dr. Mahathir selepas Tun Hussein tidak meranjatkan umum kerana pengalaman politik beliau selama ini sudah cukup untuk membuktikan kemampuannya. Dia sudah diuji dan tahan diuji. Menjelang tahun 1990, tamatnya Dasar Ekonomi Baru, style politik dan pemimpin akan menjadi perhatian. Politik yang berasaskan siapa kuat dia naik mungkin akan bertukar kepada siapa cerdik dia akan naik. Pelajaran merupakan kriteria penting. Dalam suasana negara memerlukan tokoh yang berpelajaran untuk memimpin negara maka para lepasan universiti yang terjun ke dunia politik harus memahami perjuangan politik dan dapat menyuaikan diri. Dengan dilengkapi pelajaran itu tadi maka pemimpin yang bakal memimpin negara akan dapat melaksanakan program-program yang menguntungkan negara, bukan sebaliknya. Kriteria pelajaran akan menjadi kayu ukur penting dan suka atau tidak, mereka yang semakin tinggi pelajaran mempunyai peluang yang lebih baik untuk memegang jawatan penting.

Dalam konteks mengingatkan kita kisah Isabel Peron semasa dia dilantik menjadi Presiden Argentina selepas kematian suaminya, Peron. Kita seorang bekas general: "secara peribadi, saya merasa malu, bukan kerana dia seorang wanita, walaupun sebagai rakyat Argentina saya fikir Presiden mesti seorang lelaki – tetapi kerana dia tidak mempunyai pelajaran".

Berdasarkan hakikat ini juga, ada tokoh-tokoh yang tidak berkelulusan mengamalkan sikap tertutup. Mereka akan menyekat kemasukan golongan muda yang berpotensi dan layak menjadi pemimpin dengan berbagai cara. Kalaupun mereka tak semua boleh memimpin tetapi sekurang-kurangnya menjadi pengikut yang peka terhadap persekitaran dan suasana politik yang berlaku.

Sebab itulah ramai tokoh seperti ini yang tidak mahu pengikutnya lebih cerdik kerana apabila pengikut *pekar* mereka boleh ditarik hidung atau di *remote control* mengikut kehendak pemimpin itu. Terdapat juga di beberapa bahagian yang berpolitik ala cowboy, mengugut pengikut yang cuba menggugat kedudukan ketua bahagian. Maka tidak hairanlah ada yang kekal berbelas malahan berpuluh tahun mewarasi generasi

pemimpin politik. Kepada mata umum mereka dirasakan amat popular dan cerdik berpolitik tetapi ciri-ciri di ataslah yang menjadi asas kekuatan mereka.

Namun demikian, ilmu yang tinggi bukarnlah faktor penting kejayaan seseorang pemimpin. Ramai yang cerdik, berkelulusan tetapi cerdek juga dalam soal putar belit dan sekali lagi si-bodoh menjadi mangsa.

Ilmu juga bukan faktor pencegah daripada melemahkan segala macam maksiat tetapi tanpa iman segalanya boleh terjadi. Kenyataan menunjukkan bahawa kebanyakan penyelewengan yang wujud dilakukan oleh orang-orang yang cerdik.

Malangnya kita tidak mempunyai sebuah sekolah khas seperti akademi tentera untuk melahirkan tokoh-tokoh politik. Melalui pertubuhan belia dan UMNO, para pemimpin dilantik untuk menjadi pemimpin. UMNO sendiri menyediakan satu asas yang kukuh para orang-orang Melayu untuk menjadi pemimpin. Oleh kerana sistem terbuka, tidak macam sistem kadar di Singapura, maka sesiapa juga yang menyertai UMNO boleh menjadi Perdana Menteri. Bagi jawatan yang paling rendah, kadangkala seseorang itu tidak perlu ijazah universiti. Ada EXCO kerajaan negeri yang setakat lulus sijil persekolahan ataupun sekolah agama. Kerana pengaruh di dalam politik serta mempunyai rakan sebagai Menteri Besar, maka tokoh ini diberi peluang tersebut.

Walaupun melalui politiklah maka seseorang itu boleh menjadi Perdana Menteri ataupun Menteri-Menteri, namun Kerjaya ini tidak menarik minat tokoh-tokoh profesional. Keadaan ini bukan saja di negara ini bahkan boleh dikatakan dikebanyak negara termasuk Amerika Syarikat sendiri. Menurut pakar sejarah Henry Steele Commager "bakat akan berkembang di dalam apa jua bentuk yang ada dan amat popular. Seseorang yang berbakat akan berkhidmat dengan kerajaan". Bagaimanapun katanya orang berbakat itu hari ini akan mendapat ganjaran yang lumayan di sektor swasta dan pemimpin berkaliber melepaskan peluang ini (berkhidmat dalam sektor awam) kepada orang lain yang kurang baik.

Kerjaya politik juga tidak menjamin masa depan kecuali seseorang itu mengambil kesempatan semasa memegang jawatan. Datuk Syed Kechik, Tan Sri Ibrahim Promet, sekadar menyebut beberapa nama menjadi jutawan melalui perniagaan. Kakitangan kerajaan yang kanan bukan saja

mendapat gaji yang lumayan juga jawatan penting di dalam kerajaan, ini tidak termasuk kemudahan lain yang dinikmati.

Lantas bidang politik hanya digemari oleh orang profesional jika mereka merasakan peluang untuk jadi Menteri atau Menteri Besar luas terbuka. Bagi golongan bawahan memasuki politik boleh merapatkan jurang dengan mereka yang bergaji besar dan berkedudukan tinggi.

Maka tak hairanlah seorang lulus SPM dalam tahun 1970an masih boleh menjadi Ahli Dewan Negeri berbanding dengan rakannya yang berkelulusan universiti, hanya berkhidmat sebagai pegawai bank. Bagi mereka yang berminat dibidang politik, tidak perlu memasuki sekolah-sekolah untuk melatih orang-orang politik. Ia sekadar institusi yang kebetulan menarik melahirkan beberapa tokoh terkemuka. Di negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi maka para pemimpin tentera hanya berkuasa di dalam tentera. Peluang mereka untuk menunjukkan bakat di bidang politik seperti negara-negara lain tidak terdapat di sini. Sehingga ini belum ada bekas General yang berjaya di bidang politik setelah mereka bersara dari tentera. Di setengah negara peluang para pegawai tentera untuk berkuasa begitu besar. Menurut kajian yang dibuat, dari 92 Emperor (raja) Rom, 36 orang sampai ke jawatan itu melalui pangkat rendah. Hanya di negara yang berlaku rampasan kuasa seperti Thailand, Libya, Bangladesh, dan beberapa lagi para pemimpin tentera menjadi ketua kerajaan.

Dengan ketiadaan sekolah tertentu melatih tokoh-tokoh politik dan peluang untuk menjadi Menteri atau jawatan penting sukar maka para profesional tidak tertarik untuk terjun ke dunia politik. Para pensyarah universiti yang mempunyai otak yang baik juga lebih berminat untuk duduk di bidang mereka. Mereka lantas membiarkan bidang politik untuk orang-orang politik. Kecuali ditawarkan jawatan Timbalan Menteri, seperti Datuk Dr. Yusof Nor, maka ada pensyarah universiti meninggalkan menara gading untuk aktif sepenuh masa dalam bidang politik.

Maka, tak hairanlah mencari seorang tokoh politik yang baik dan pintar sangat sukar, Averagenya ramai. Bagi para pensyarah, buat apa masuk politik kalau setakat hendak menjadi wakil rakyat yang sepanjang masa kena berada di kawasan untuk mengendalikan masalah rakyat. Lebih baik berada di dalam bilik kuliah atau tempat penyelidikan untuk membantu

melahirkan graduan yang baik dan hasil yang menakjubkan.

Oleh itu terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk memutuskan perkara ini. Selama ini Perdana Menteri setakat mengambil anggota kabinet dari Majlis Tertinggi ataupun para pemimpin UMNO yang bertanding dalam pilihanraya. Kalau ada yang diambil di luar dan dibawa masuk pun tidak seberapa, itu pun menimbulkan tohmah kerana mereka ini kononnya tidak mempunyai grassroot. Oleh kerana menteliti memasuki UMNO dengan menjadi wakil rakyat maka ganjarannya dapat menjadi Menteri atau Timbalan ataupun setidak-tidaknya Setiausaha Parlimen maka menyebabkan kemasukan orang baru dalam UMNO dipandang dengan iri-hati. Walhal apa yang cuba dibuat oleh pemimpin tertinggi itu ialah untuk mentadbir negara ini, bukannya menghadiahkan jawatan menerima semata-mata kerana mereka masuk UMNO dan memegang jawatan dalam parti.

Di Indonesia, Singapura dan Thailand, sebagai contoh beberapa orang menteri diambil oleh pucuk pimpinan dari universiti kerana mengetahui mereka ini mempunyai otak yang baik. Dengan sendiri mereka boleh merancang sama ada di bidang ekonomi, sosial atau pentadbiran dengan baik dan berkesan. Mungkin Malaysia harus mengambil iktibar dari negara-negara berkenaan di dalam mencari Menteri yang baik.

Dan, juga pentadbir yang baik bukan saja terdapat di universiti, juga kedapatan di jabatan-jabatan kerajaan. Sejak beberapa tahun ini muncul beberapa orang pegawai kanan kerajaan menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri. Sebelum dipilih menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri mereka harus bersara terlebih dulu dari perkhidmatan kerajaan. Datuk Khalil Yaacob, ialah bekas kakitangan kerajaan sebelum dilantik menjadi Timbalan Menteri Pelajaran dan kini Menteri Besar Pahang.


Begitu juga dengan Datuk Saharuddin Chik, bekas kakitangan kerajaan yang kini memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan. Dengan adanya General Orde maka kakitangan kerajaan terhalang untuk aktif dalam politik. Sebenarnya arahan ini baik kerana setidak-tidaknya kakitangan kerajaan menghabiskan masa mentadbir jabatan mereka, bukannya aktif di cawangan. Ia boleh menjelas prestasi mereka jika terlalu membuang masa untuk merebut jawatan di dalam bahagian.

Cuma, seperti disebut di awal tadi, terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk mencari pegawai yang baik, cekap dan bagus untuk diberi peluang memegang jawatan seperti Timbalan Menteri atau mungkin Menteri. Sebagai contoh katakanlah jika Ungku Aziz menjadi Menteri Kewangan, tentulah imej kerajaan lebih baik lagi. Mungkin imej Ungku sebagai Menteri Kewangan dapat menaikkan imej kerajaan di kaca mata dunia. Soal samada Ungku Aziz harus bertanding di peringkat bahagian dengan menjadi ketua bahagian sebelum boleh dilantik menjadi menteri, perkara ini harus dihadapi oleh Perdana Menteri. Jika kita terlalu mengharapkan ahli-parlimen untuk menjadi menteri maka tak hairanlah suatu masa nanti kita hanya mempunyai menteri "otak kelas dua" saja, kerana jawatan senator dan ahli parlimen sekarang sudah ada yang boleh dibeli melalui politik wang dan sistem siapa kuat dia naik.

Mengharapkan pentadbir yang baik untuk pergi berkempen sehingga larut malam sambil mencaci pihak lawan untuk menjamin kemenangan maka tentulah akan menakutkan pentadbir itu menyertai UMNO. Bagi mereka yang berfikiran Islam dan mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik tentulah tidak sesuai melihat corak kempen yang berlaku di dalam UMNO dewasa ini.

Datuk Khalil – tokoh yang tenang dan berjiwa rakyat.





Bila agaknya Pak Engku nak masuk politik.

DATUK HARUN IDRIS

Pengumuman Datuk Harun Idris untuk turut merebut salah satu jawatan Naib Presiden UMNO (tiga jawatan Naib Presiden) di dalam Perhimpunan Agong parti itu 24hb. April ini amat menarik perhatian umum.

Penyertaan Datuk Harun Idris merebut jawatan Naib Presiden kali ini merupakan penyertaan beliau untuk kali ketiga.

Beliau pernah bertanding jawatan ini pada tahun 1960an, tetapi gagal memenanginya. Beliau mendapat tempat keempat meskipun di awalnya Tun Razak ada berjanji untuk memberi sokongan.

Kekalahan itu tidak memusnahkan karier politiknya bahkan pada tahun 1971, beliau dipilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor. Secara otomatis jawatan itu membolehkan beliau menduduki kerusi Naib Presiden.

Semasa di dalam tahanan di Penjara Pudu, Datuk Harun terus mengugat kepimpinan Tun Hussein Onn. Perwakilan UMNO merasa tidak puas hati cara Tun Hussein menyelesaikan masalah Datuk Harun kerana mereka menganggap kes Datuk Harun ialah kes politik. Sebagai kes politik ia harus diselesaikan melalui campurtangan politik.

Beberapa bahagian telah mewacanakan Datuk Harun bertanding jawatan Naib Presiden. Mulanya orang menduga Datuk Harun akan menarik diri kerana merasakan peluang dia untuk menang adalah tipis. Ini berdasarkan kekalahannya untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemandu UMNO Malaysia di tangan anak saudaranya, Datuk Haji Suhaimi.

Tetapi bintang Datuk Harun makin cerah, dia terpilih oleh perwakilan sebagai Naib Presiden UMNO. Kemenangannya itu merupakan pukulan hebat kepada Tun Hussein Onn.

Setelah Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Datuk Harun dibebas dan diampunkan. Sekarang rekodnya sudah bersih.

Lantas bila Datuk Harun mengumumkan penyertaannya untuk merebut jawatan Naib Presiden, ada pihak merasakan peluang dia untuk menang adalah tipis.

Setelah kalah di tangan orang kuatnya, Haji Basri Bajuri bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat tahun 1985, Datuk Harun seolah-olah keciwa.

Tetapi kekalahan Datuk Harun ketika itu kerana ada campur tangan dari pihak luar yang berjaya menggunakan kuasa untuk mempengaruhi perwakilan.

Haji Basri mulanya dikatakan tidak akan bertanding menentang "bossnya" tetapi akhirnya terpaksa berbuat demikian kerana diminta berbuat demikian.

Hari ini kekalahan Datuk Harun itu tidak mengurangkan semangatnya untuk memberikan sumbangan kepada UMNO, bangsa Melayu dan agama.

Kemasukan Datuk Harun juga diperhatikan oleh golongan veteran kerana selama ini Encik Ghafar merupakan wakil mereka di dalam UMNO.

Sejak dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar dianggap sebagai faktor penstabil, antara golongan veteran dan golongan muda.

Dengan keputusan Encik Ghafar bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO maka satu jawatan Naib Presiden kosong. Jika diteliti tokoh veteran tidak tertarik untuk mencuba nasib mereka kerana memikirkan usaha mereka itu mungkin menghasilkan kekeciwaan. Kerana usia yang semakin lanjut ramai tokoh-tokoh veteran mengambil keputusan menjadi pemerhati saja meskipun mereka masih menjadi ahli-ahli UMNO. Oleh sebab ketiadaan calon veteran, maka Datuk Harun dilihat sebagai calon veteran bagi mengisi tempat Encik Ghafar. Kekeciwaan itu mungkin seperti kata Tunku akhir Februari lalu; "UMNO dulu dan sekarang amat berlainan" Dan Tunku pun tak mahu hadir Perhimpunan April.

Datuk Harun pernah menjadi Naib Presiden beberapa tahun lalu, itupun semasa dia sedang merengkok di dalam tahanan. Peluang dia untuk berkempen terhad tetapi sekalipun tanpa kempen perwakilan nampaknya mahukan Datuk Harun berada di dalam UMNO terus menerus. Selepas keluar dari Penjara Pudu, Datuk Harun mengambil keputusan untuk

bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1983. Ramai tokoh UMNO merasa sangsi dengan tindakan Datuk Harun untuk bertanding. Onn Ismail, satu masa dulu orang kanan Datuk Harun menasihatkan Datuk Harun supaya tidak bertanding jawatan Timbalan Presiden. Tetapi Datuk Harun pula merasakan dia perlu bertanding jawatan Timbalan kerana bukannya mahukan Timbalan Perdana Menteri tetapi semata-mata mahu berkhidmat untuk UMNO. Datuk Harun mengira perpecahan semakin berlaku di dalam parti ketika itu akibat rebutan sengit jawatan Timbalan Presiden antara Musa dan Tengku Razaleigh. Kemasukannya untuk mententeramkan keadaan. Malangnya hasratnya itu tidak di terima oleh perwakilan dan Datuk Harun hanya mendapat 37 undi. Selepas itu orang mengira politiknya sudah berakhir.

Apa yang dibimbangkan oleh Datuk Harun menjadi kenyataan. Datuk Harun semasa mengistiharkan diri bertanding jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1984 semata-mata mahu memisahkan jawatan penting di dalam kerajaan. Pemisahan ini pada perkiraan beliau boleh menghalang sebarang keretakan di peringkat tertinggi kerana kedua-dua tokoh penting UMNO ketika itu, Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh ingin menjadi Timbalan Presiden dan seterusnya mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi perwakilan UMNO menolak kehendak Datuk Harun. Perwakilan yang menolak formula perpaduan ini akhirnya menyaksikan berakhirnya sebuah regu 2M – Mahathir dan Musa. Seperti kata Datuk Megat Junid Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO bahagian Labis pada 27hb. Februari yang lalu. Antara lain beliau berkata, Kemenangan untuk Datuk Musa dikehendaki oleh Dr. Mahathir adalah kerana mereka sahabat sejak tahun 60an lagi. Persahabatan itu katanya menjadi bertambah rapat apabila Datuk Musa dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana sekurang-kurangnya dua kali dalam seminggu beliau terpaksa menemui Dr. Mahathir bagi berbincang sesuatu demi kepentingan negara. Dalam tempoh yang sama, Datuk Musa digazetkan sebagai pemangku Perdana Menteri sebanyak 29 kali – satu-satunya Timbalan Perdana Menteri yang paling banyak kali diberi peluang memangku jawatan itu.

"Tetapi sekarang saya keciwa kerana seorang sudah pandang ke utara manakala seorang lagi ke selatan dan apabila

menyampaikan ucapan, kedua-dua mereka bersindiran pula antara satu sama lain", kata Datuk Megat Junid lagi.

Kesedaran betapa rebutan ketika itu boleh memecah belahan perpaduan parti memaksa Datuk Harun untuk mengorbankan diri hingga ada pihak menuduh beliau "gila kuasa".

Andainya Datuk Harun menjadi Timbalan Presiden UMNO, tidak bererti dia mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dengan kuasa yang ada kekuatan yang ada, Datuk Harun boleh berunding dengan Dr. Mahathir untuk mencari calon-calon yang sesuai menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana menyedari calon Timbalan Perdana Menteri itu bukannya pemimpin kedua UMNO, maka calon itu tentulah tidak boleh terlalu ambitious. Setiap gerak-gerinya harus mendapat nasihat parti dan konsep parti menguasai kerajaan secara lebih bermakna dan effektif mungkin dapat dilaksanakan.

Tetapi satu perkara yang harus diingat ialah Datuk Harun kalah kerana calon-calon yang beliau tentangi itu adalah tokoh yang sudah berjawatan penting. Lagi pula masing-masing mempunyai pengikut. Kemasukan Datuk Harun menyebabkan perwakilan menjadi sukar untuk membuat penentuan. Tetapi sekarang Datuk Harun bertanding Naib Presiden. Peluang dia untuk terpilih lebih cerah dari calon-calon lain.

Perwakilan sekarang mahukan khidmat Datuk Harun kerana wujudkan beberapa perkembangan yang memerlukan suara gagah dari seorang tokoh bangsa Melayu yang amat digentar oleh orang lain. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini orang-orang lain sudah mula kurang ajar membabitkan isi pribumi, tuntutan pindaan dasar pelajaran dan beberapa lagi.

Keberanian orang bukan Melayu ini nampaknya semakin menjadi-jadi tambahan pula 1990, tarikh Dasar Ekonomi Baru, semakin hampir. Selama ini Anwar Ibrahim seolah sendirian di dalam menjadi jaguh memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu. Setengah pemimpin UMNO oleh kerana terikat dengan kepentingan perniagaan mengambil sikap membisu.

Dengan kemasukan Datuk Harun, beliau akan menjadi "watch-dog" yang akan memerangi suara-suara sumbang yang masih berani mempertikaikan hak-hak orang Melayu.

Dilihat dari keadaan politik UMNO hari ini kombinasi Dr. Mahathir, Ghafar dan Datuk Harun amat diperlukan kerana ia boleh menyatukan ahli-ahli UMNO semula. Melihat dari usia tiga orang calon ini, maka tokoh-tokoh muda seperti Anwar, Dollah, Muhammad Mohd. Taib, Mahyuddin dan


beberapa lagi boleh banyak mempelajari selok belok serta terdedah kepada pengalaman baru.

Bagi Musa dan Tengku Razaleigh, kemasukan Harun dapat mengukuhkan perpaduan di kalangan kedua-duanya. Mungkin Datuk Harun yang lebih suka berada di luar kabinet boleh memainkan peranan bapa kepada kedua-dua tokoh ini. Sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mempunyai masa yang terluang untuk menjadi bapa kepada Musa dan Tengku Razaleigh, lantas kedua-dua mereka semakin ambitious. Akibatnya kedua-dua bertanding jawatan Timbalan Presiden, dan kemenangan Musa membolehkan dia diangkat menjadi Timbalan Perdana Menteri. Bagaimanapun Tengku Razaleigh masih dikekalkan dalam kabinet kerana jasa, kebolehannya masih diperlukan. Pengalamannya dibidang banking, kewangan, perdagangan satu asset kepada negara.

Andai kata Datuk Harun terpilih ke jawatan Naib Presiden maka dia akan lebih mudah bergerak untuk memajukan Koperasi Usaha Bersatu – syarikat koperasi UMNO.


Selama ini usaha Datuk Harun untuk memajukan Koperasi Usaha Bersatu sering tergendala kerana ‘kuasa’ di tangannya tidak berapa berkesan. Temujanji untuk menemui Menteri atau Menteri Besar terhad. Sekiranya dia menjadi Naib Presiden maka tentulah dia dapat menentukan arah Koperasi Usaha Bersatu kerana sebagai pemimpin kanan, berdasarkan jawatan Naib Presiden, dia boleh mengarah pihak kerajaan membantu Koperasi Usaha Bersatu.

Soalnya – masih berpengaruh lagikah Datuk Harun sekarang? Perkembangan terakhir Datuk Harun dikatakan turut bersekongkol dengan puak-puak yang menentang Dr. Mahathir. Hasratnya untuk menjadi golongan neutral akhirnya terperangkap di tengah-tengah pergolakan tersebut. Apakah ini satu usaha Datuk Harun untuk menyelamatkan diri? Atau mahu bersama anak saudaranya (Datuk Hj. Suhaimi) yang mahukan pembaharuan.



Datuk Harun bersama keluarga sejurus selepas dibebaskan.

Datuk Harun semasa di Penjara mendapatkan rawatan di Hospital Besar, Kuala Lumpur.





Wajah-wajah ketika bersama – sekarang lain bicara.

FAKTOR ANWAR

Kalau hendak dikira dendam, Anwarlah yang seharusnya paling mendendami Dr. Mahathir. Tetapi sebaliknya mengapakah Anwar bersedia bersekongkol di dalam kabinet Mahathir? Sehingga Anwar dicap sebagai jurucakap Mahathir. Ada juga yang menyatakan Anwar sudah dibeli oleh Mahathir. Pada mula ia menyertai UMNO, Anwar dikatakan juga sudah masuk perangkap Mahathir. Anwar yang dulunya lantang kononnya sudah dijinakkan atau harimau yang sudah dikambingkan. Sejak awal hingga kini Anwar terus menjadi perhatian umum dengan berbagai sudut dan cara penilian. Ada yang menilai dari kacamata yang positif, negatif dan tak kurang yang menilai dengan nada sinis serta irihati.

Anwar dikatakan naik terlalu laju, tak ikut tangga, masuk ikut tingkap, masih baru dalam UMNO, lebih PAS dari PAS, gila dan ghairahkan kuasa, tunggulah dulu kerana belum cukup umur dan segala macam kata-kata lagi yang diluah dengan nada kurang senang.

Mendadaknya Anwar menjangkau tingkat yang ada sekarang bukan kerana semata-mata ia mempunyai hubungan yang rapat dengan Dr. Mahathir, atau dengan menjadi anak didik Dr. Mahathir, Anwar sewenang-wenangnya mudah naik dalam UMNO. Ahli-ahli UMNOlah yang menjadi hakim untuk menilai kemampuan Anwar. Kesemuanya telah mereka buktikan di dalam tiga pertandingan bagi merebut jawatan Ketua Pemuda – Anwar menang malahan undinya semakin mantap di pertandingan tahun lalu apabila ia mengalahkan anak singa UMNO – Syed Hamid dengan majoriti yang besar.

Memang Dr. Mahathir amat menyenangi Anwar tetapi bukan kerana nama Anwar. Hubungan mereka sebenarnya mempunyai sejarah yang panjang. Sejak Anwar di kampus

Universiti Malaya lagi sudah mengenali Dr. Mahathir. Apatah lagi di saat Mahathir yang ketika itu tersingkir dari UMNO akibat berkrisis dengan Tunku Abdul Rahman dan secara kebetulan Anwar juga tidak senang dengan kerajaan pimpinan Tunku, maka mereka berkawan dalam menghadapi masalah yang sama.

Kemesraan ini berubah setelah Mahathir diterima semula menyertai UMNO. Anwar yang terkenal dengan kelantangannya terus mengkritik kerajaan. Kali ini bukan melalui platform pemimpin pelajar sebaliknya tiket PKPIM (persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia) dan ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) yang ditubuhkan dalam tahun 1971. Turut serta dalam penubuhan ABIM ialah Sanusi Junid.

Dr. Mahathir yang outspoken ketika menjadi Menteri Pelajaran sering membuat kenyataan yang kontroversal khususnya dalam menanggapi kegiatan dan pergerakan Islam di bawah pemimpinan Anwar. Bagi Anwar ketika itu Dr. Mahathir adalah seorang yang anti Islam.

Puncak ketegangan hubungan Anwar-Mahathir ialah peristiwa tunjuk perasaan pelajar 1974. Anwar telah direhatkan di bawah ISA selama dua puluh satu bulan dengan sembilan tuduhan termasuk usahanya untuk menubuhkan Universiti Islam. Dr. Mahathir dikatakan orang dalam kabinet yang paling kuat menyokong penangkapan Anwar. Malahan sewaktu kabinet memutuskan untuk melepaskan Anwar, Dr. Mahathir dikatakan orang yang mahukan tahanan itu dilanjutkan sepelega lagi.

Salah satu anugerah Allah s.w.t. kepada Anwar selain daripada karisma kepimpinannya, Anwar bukan seorang pendendam. Ia mampu berhadapan dengan musuh atau orang yang terang-terang tidak menyenanginya dengan air muka yang tenang.

Sebab itulah tidak berapa lama setelah dibebaskan Anwar tanpa rasa dendam ia mengunjungi Dr. Mahathir di pejabat. Pertemuan awal ini agak kurang mesra kerana saling sindir menyindir, mungkin kebetulan Anwar membawa teman bersama. Dr. Mahathir agak kurang senang dalam keadaan ada orang lain mendengar Anwar menyindirnya.

Namun demikian dalam beberapa siri pertemuan selanjutnya sikap Dr. Mahathir sudah berubah. Beberapa persoalan peribadinya mula diluahkan kepada Anwar dan mereka saling mula mencari titik pertemuan. Mungkin mereka merasa

kan masa untuk berpolimik sudah tamat dan sudah tiba masanya melihat kenyataan bahawa survival masyarakat dan negara harus lebih diutamakan dari segala-galanya.

Sewaktu memimpin ABIM, Anwar tidak semata-mata mengkritik kerajaan. Sikapnya dan pendirian yang terbuka – ABIM yang menjadi jurubicara umah dalam beberapa keadaan sedia bekerjasama dengan pemerintah. Contohnya di masa Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri ABIM telah mengadakan Seminar Dakwah Antarabangsa dengan kerjasama kerajaan Malaysia.

Pengambilan Anwar Ibrahim menyertai UMNO menjelang Pilihanraya Umum April 1982 meninggalkan beberapa kesan kepada politik Dr. Mahathir. Penyertaan Anwar pula membuatkan bekas tokoh ABIM itu mempunyai musuh baru – PAS. Suatu ketika ada ura-ura Anwar akan menggantikan Datuk Asri sebagai Yang DiPertua Agong PAS. Andainya, itu terjadi bererti Anwar akan menjadi pemimpin PAS yang paling berkaliber dan berkesan sejak zaman Dr. Burhanuddin dan Allahyarham Zulkifli Mohamad. Tetapi Anwar memilih untuk menyertai UMNO. Penyertaan ini dibuat ketika Dr. Mahathir masih berkuasa dan baru pula menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Hussein Onn.

Dr. Mahathir membuat tawaran agar Anwar masuk UMNO dan mahukan Anwar melihat realiti politik, masalah Melayu dan Islam serta melaksanakan semangat idealismennya itu. Anwar kemudian memberitahu para wartawan bahawa tawaran yang dibuat oleh Dr. Mahathir sebagai ikhlas dan bukan jebak atau jerangkap samar yang dipasang oleh Dr. Mahathir.

Di pihak PAS, kecurigaan memuncak kerana merasakan Anwar telah berpaling tada. Tambahan pula kemasukan Anwar sebulan sebelum pilihanraya umum diadakan. PAS mengira Dr. Mahathir mengambil Anwar semata-mata untuk mengagalkan usaha PAS untuk memerintah negara ini. Dr. Mahathir sedar pengaruh Anwar di kalangan PAS serta belia-belia Islam begitu luas. Dan dengan mengambil Anwar bererti menarik mereka ini menyokong UMNO.

Dilihat dari sudut lain tindakannya dianggap memecahkan PAS dari dalam. Ramai yang tertarik dengan kepimpinan Anwar lari meninggalkan PAS. ABIM yang diasaskan oleh Anwar mengalami detik-detik tersendiri bilamana badan belia itu tiba-tiba berpecah menjadi tiga kumpulan – satu meny-

kong Anwar, satu lagi menyokong PAS (ertinya menentang Anwar) dan golongan neutral.

Bagi Dr. Mahathir, dia ikhlas mengambil Anwar untuk menyertai UMNO kerana dia merasakan Anwar merupakan seorang pemimpin yang ikhlas dan jujur di dalam perjuangannya. Keikhlasan Dr. Mahathir telah ditunjukkan sejak awal lagi. Setengah jam sebelum sidang akhbar pengumuman penyertaan Anwar ke dalam UMNO, Dr. Mahathir menunjukkan beberapa telegram daripada beberapa orang tokoh UMNO tertentu yang meminta agar jangan diterima kemasukan Anwar.

Malahan Dr. Mahathir amat mengambil berat kedudukan dan keadaan kempen di Permatang Pauh. Semuanya merupakan petanda awal yang mematikkan spekulasi bahawa pengambilan Anwar merupakan jebak Mahathir bagi membunuh karier politik anak muda dari Cherok Tok Kun ini.

Mengambil Anwar bererti Dr. Mahathir memberikan kepercayaan kepada beliau untuk menerapkan idealismenya. Dan tidak syak lagi sejak kemasukan Anwar program dan proses Islamisasi di negara ini semakin subur. Hakikat ini membangkit rasa tidak senang di kalangan tokoh-tokoh tertentu dalam UMNO. Datuk Musa menganggap Anwar berlagak lebih PAS dari PAS. Manakala Datuk Rais merasakan Anwar hanya pandai menggunakan hadis untuk mengelabui mata ahli-ahli UMNO.

Manakala kepada PAS terutama orang seperti Subky Latif merasakan Anwar gagal membawa missi Islam ke dalam UMNO.

Melihat dari beberapa perkembangan, sejak kemasukan Anwar ke dalam UMNO, Dr. Mahathir nampaknya menunjukkan keikhlasan di dalam menjanjikan bahawa Anwar boleh meneruskan idealismenya.

Anwar tidak dilantik menjadi menteri penuh sebaliknya bermula dari jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berpejabat di Pusat Islam. Pusat yang dulunya pernah menyenarai hitamkan nama Anwar dari memberikan ceramah di tempat yang sama sewaktu Anwar mengepalai ABIM. Semasa di jawatan ini Anwar mula menyusun semula pentadbiran beberapa bahagian. Ia juga menjadi Pengerusi Badan Perunding Islam yang antara lain telah berjaya menyusun semula Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Kesempatan yang diberikan oleh Dr. Mahathir membuka jalan kepada Anwar untuk memperbanyak lagi program Islam di dalam kerajaan. Puluhan tokoh, pemikir dan ahli profesional Islam dibawa ke Malaysia untuk memberikan nasihat serta pandangan tentang program Islamisasi. Kesemuanya mendapat restu Dr. Mahathir dari langkah tersebut secara langsung Malaysia tambah dikenali di kalangan negara-Islam.

Perpindahannya ke beberapa Kementerian mematangkan lagi Anwar tentang politik dan pentadbiran. Walaupun pergiannya ke Kementerian Kebudayaan dianggap oleh Subky Latif sebagai tempat sial dan Anwar juga akan beroleh bala tersebut, ternyata tidak berlaku. Demikian sewaktu di Kementerian Pertanian imej Anwar dimomohkan oleh orang-orang PAS sebagai Menteri yang menjaga lembu. Hanya setelah berada di Kementerian Pelajaran baharulah serangan dari PAS agak reda walaupun orang seperti Subky Latif tidak pernah diam dari terus mengecam dan menyindir Anwar.

Kecaman sebahagian tokoh PAS kepada Anwar sebenarnya mudah difahami – iaitu atas dasar perbezaan fahaman politik dan harapan besar mereka kepada Anwar sewaktu di dalam ABIM agar satu hari kelak menjadi ahli PAS. Sebaliknya Anwar menyertai UMNO.

Di dalam UMNO Anwar menjadi fokus utama terutama di saat pertandingan UMNO menjelang tiba. Setelah tiga kali berjaya melewati jaringan politik melalui pertandingan Ketua Pemuda kini Anwar dihadapkan dengan spekulasi merebut jawatan Naib Presiden UMNO.

Jawatan yang meletakkan seseorang tokoh kepada *Top Five* setelah Presiden dan Timbalan Presiden. Dengan kata mudah jejak-jejak kepada Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri semakin hampir. Walaupun sejarah tidak menjanjikan demikian, namun inilah rukun asas yang harus dilalui sebelum sampai ke puncak.

Kepada golongan yang anti Anwar spekulasi ini sudah cukup untuk membela sahnya dengan fitnah yang kononnya telah dihadiahkan rumah bernilai 3 juga daripada Daim, menjadi agen CIA dan sebagainya. Tokoh yang dikira sudah lama di dalam UMNO dan bercita-cita besar pula turut menyerang Anwar dengan alasan Anwar masih belum matang dan naik tak ikut tangga – ikut tingkap.

Segala tomah dan fitnah terhadap Anwar terjawab sendiri jika didekati cara hidupnya. Sebagai seorang yang punya prinsip dan idealisme, suatu yang ia amat berhati-hati ialah kepentingan ananiah atau mementingkan diri lebih dari yang lain.

Beramal dengan apa yang diucapkan serta berani berhadapan dengan kenyataaan. Dari pakaiannya orang dapat menilai siapa Anwar sehingga ada yang beranggapan, "tak ada baju lain ke! Asyik dengan jaket putih". Mungkin ditiru dari cara Datuk Haji Suhaimi cuma fesyen sahaja berlainan.

Semenjak menjadi menteri belum pernah ia menggunakan kereta rasmi terbaru, hingga kini masih menggunakan kereta peninggalan arwah Datuk Embong Yahya. Walaupun jika ia mahu, ia boleh berbuat demikian setiap kali berpindah ke-menterian. Demikian halnya dengan pejabat – mungkin Anwar berasib baik setiap kali berpindah, pejabat menteri telah siap diubahsuai oleh menteri sebelumnya.

Keyakinan, kesungguhan dan berperibadi bersih membuatkan golongan yang tidak menyenangi Anwar tenggelam punca. Walaupun ada pendapat yang menyatakan kriteria tidak kaki perempuan, pemabuk dan kaki judi tidak harus dijadikan asas untuk mencari pemimpin tetapi inilah jaminan kejayaan pemimpin dan golongan yang dipimpin.

Pemimpin yang hidupnya bergelumang dengan maksiat bukan sahaja gagal memimpin dirinya malahan tidak mendatangkan barakah kepada rakyat dan negara.

Oleh kerana tiada ruang untuk mencari keburukan peribadi Anwar, maka ada tokoh UMNO yang mengandaikan kononnya Anwar mahu mengabimkan UMNO dengan membawa ramai tokoh-tokoh ABIM ke dalam UMNO.

Umumnya semua tahu sebenarnya tidak ramai tokoh ABIM yang menyertai UMNO jika dibandingkan dengan kemasukan ke dalam PAS. Jika adapun kesemuanya terpaksa bekerja berhempas-pulas untuk memenangi jawatan di bahagian tempat mereka aktif. Setakat ini belum ada bekas tokoh ABIM yang menang di beberapa bahagian baru-baru ini disebabkan oleh kempen Anwar Ibrahim. Semuanya dinilai oleh ahli-ahli UMNO sendiri yang telahpun matang dan mengenali serta mampu membezakan antara kaca dan intan.

Tindakan yang mengatakan Anwar berlagak lebih PAS dari PAS dan memperalatkan Islam untuk muslihat politik, me-

nimbulkan tanda tanya siapa sebenarnya yang memperalatkan Islam?

Memang semenjak kehadiran Anwar ke dalam UMNO serta dokongan serious oleh Dr. Mahathir yang mahukan Islam diterapkan ke dalam pentadbiran negara, kebangkitan Islam semakin ketara. Penubuhan Institusi Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam, Insuran Islam dan penerapan nilai-nilai Islam yang lain walaupun belum sampai ke matlamat 100% sekurang-kurangnya proses sudah bermula dan berjalan.

Program ini merupakan manifestasi dari kesedaran umum bahawa hanya Islam satu-satunya jalan yang harus dilalui dalam menyelesaikan masalah umah dan negara. Walaupun program tersebut menjadi momokan PAS satu hakikat yang tak dapat ditolak bahawa program bertahap lebih mendatangkan makna daripada berslogan untuk 100% Islam tetapi belum berbuat apa-apa.

Di sinilah UMNO harus lebih maju ke depan dari PAS – benarlah tuduhan Datuk Musa bahawa Anwar muh bertindak lebih PAS dari PAS dalam konteks melaksanakan cita-cita Islam.

Islamisasi adalah program negara, sayangnya hanya seorang berdua menteri kabinet yang ke hulu-hilir mengisi erti slogan tersebut yang lain ada yang bukan sahaja tidak mendokong malahan bertindak sebaliknya dengan melakukan kerja-kerja mungkar termasuk merasmikan diskò.

Mungkin ada hujah yang berpendapat itu adalah hal peribadi yang penting orang itu mesti cerdik, ada otak, pandai merancang dan telah ada rekod menubuhkan itu dan ini untuk kepentingan rakyat.

Persoalan moral pemimpin bukan soal remeh, sebab itulah Allah menurunkan para Nabi di kalangan orang-orang yang maksum supaya dapat diikuti oleh umatnya. Kita tidak menjangkakan pemimpin negara ini harus dicari di kalangan orang yang maksum tetapi wajar terdiri daripada yang terbaik di kalangan rakyat. Jika dah tak ada yang baik memadai terbaik di kalangan orang-orang yang tak baik *the best among the worst*.

Bertolak daripada keyakinan dan niat yang baik mendorong Anwar berani berhadapan dengan siapa juga termasuk daripada parti lawan. Ustaz Hadi Awang tokoh yang amat digeruni oleh UMNO dan dikagumi oleh PAS dihadapi oleh

Anwar dengan tenang di hadapan hampir 2,000 penuntut Malaysia di Amerika baru-baru ini.


Malahan di saat kempen pemilihan sedang memuncak jarang tokoh UMNO yang menyokong Dr. Mahathir berani berhadapan dengan penyokong Datuk Musa di Johor, tetapi Anwar pergi dengan yakin dan terbuka menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan sehingga yang menyoal jadi gagap.

UMNO tidak harus mengorban ketokohan Anwar kerana kepentingan seorang berdua tokoh lain yang terang-terang tidaklah lebih baik dari Anwar sendiri.


Jangan kerana percaturan jangka pendek kita kehilangan tokoh yang bakal menjadi aset kepada negara dan umah keseluruhannya.

Malaysia memerlukan kepimpinan yang padu dan mempunyai daya tahan serta daya juang dalam menghadapi masa hadapan yang kian mencabar.


Inilah erti perubahan dan pembaharuan sebenar bukan menyuburkan imej lama seperti pengubah lagu, senikata lama rentak sahaja yang baru. Perubahan memang perlu malahan sesuatu yang digalakan iaitu daripada keburukan kepada kebaikan, kejahilan kepada kebijaksanaan dan kemungkaran kepada yang haq.




*Menerima kunjungan nindanya sewaktu dalam tahanan ISA
– Kemunting, Taiping 1975.*



Ini yang menjalaskan orang.



Anwar menyatakan sesuatu kepada Datuk Musa sedang Dr. Mahathir kelihatan serius.




Mengisi program penerapan nilai-nilai Islam.



Tahniah dari rakan senegeri – menang round pertama sebagai Ketua Pemuda setelah mengalahkan Datuk Hj. Suhaimi.

Memang round ketiga setelah mengalahkan anak Singa UMNO - Syed Hamid Albar.




Bermesra sebelum bertanding.






Mesyuarat EXCO Pemuda UMNO - di luar rampaknya padu di dalam belum tahu.



Tahniah kerana menang round kedua dari Timbalan Ketua Pemuda – Datuk Najib Tun Razak.



Anwar Ibrahim – Presiden Majlis Belia Malaysia mengiringi Datuk Asri – Menteri Tanah dan Tugas Khas ke Perhimpunan Kebangsaan Hari Belia. Berjaya tangan dengan Datuk Asri ialah Encik Ibrahim Ali



Bersama beberapa tokoh Islam Antarabangsa.

Seminar Islam

(ISLAMIC CIVILISATION SEMINAR)

Pada 18-22 Mei, 1984

Dirasmikan oleh


YANG BERHORMAT

MENTERI KEBUDAYAAN, REJIA DAN SUKAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KEUDAHAN DAN SUMBER MASYARAKAT



Anwar dianggap lebih PAS dari PAS. Di kanan beliau ialah Allahyarham Prof. Dr. Ismail Faruqi.



Ketokohnnya sudah diuji, bukan sahaja petah berpidato tetapi mampu memikul amanah.



Bertemu dengan pelajar Malaysia di Britain sewaktu menjadi Menteri Pertanian


"Eh! awat hang matu ke?"

Di bawahnya KBSM berubah dasar menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.





Di upacara pengisianan orang asli.



Memohon kepada Allah – semoga selamat di dunia dan akhirat.

POLITIK PJK

Mungkin secara tidak sedar UMNO mempraktikkan politik PJK di dalam mencari seorang Perdana Menteri.

Politik PJK ini nampaknya berterusan sehingga ke zaman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad. Di bawah politik PJK (bukan Pingat Jaksa Kebaktian) ini Perdana Menteri Malaysia bermula dengan Tunku Abdul Rahman Putra, datang dari negeri-negeri yang mempunyai huruf awalnya PJK. Sebagai contoh Tunku berasal dari Kedah. Selepas Tunku, Tun Haji Abdul Razak pula mewarisi jawatan Perdana Menteri. Beliau datang dari negeri Pahang. Setelah pemimpin dari Kedah dan Pahang dilantik menjadi Perdana Menteri, datang pula calon dari Johor. Beliau ialah Tun Hussein Onn yang menjadi Perdana Menteri akibat kematian Tun Razak di London pada 14hb. Januari, 1976.

Apa yang menarik mengenai politik PJK ini ialah setelah Tun Hussein Onn meletakan jawatan atas sebab-sebab kesihatan, penggantinya ialah Datuk Seri Dr. Mahathir yang mengambil alih jawatan itu adalah berasal dari Kedah. Jika kita lihat calon Perdana Menteri pertama datangnya dari Kedah, diikuti pula calon-calon dari Pahang dan Johor. Jika diikuti cycle atau pusingan itu lojiknya selepas Datuk Seri Dr. Mahathir, calon Perdana Menteri mestilah datang dari negeri Pahang. Jika calon itu calon dari negeri Pahang, siapakah calon itu agaknya. Jika kita amat-amati dari dekat calon-calon dari Pahang didapati tidak ada calon yang kanan kecuali Datuk Najib Tun Razak. Tan Sri Ghazali Shafie atau King Ghaz sudahpun tidak aktif di dalam UMNO dan tidak memegang apa-apa jawatan penting, baik dalam kerajaan maupun di dalam parti.

Peluang dia untuk menggantikan Datuk Seri Dr. Mahathir nampaknya tipis sekali. Peluang King Ghaz untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri musnah apabila Tun Hussein Onn yang dilantik menjadi Perdana Menteri ekoran kematian Tun Razak, memilih Dr. Mahathir. Spekulasi ketika itu kencang menyebut Tun Hussein akan mengambil King Ghaz, membelakangkan tiga calon-calon naib presiden – Ghafar, Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh.

Bagaimanapun ketiga-tiga calon ini menemui Tun Hussein sambil memberi kata dua – pilih salah seorang dari mereka atau ketiga-tiga mereka akan meletakan jawatan.

Tun Hussein mengambil tempoh sebulan sebelum mengumumkan perlantikan Dr. Mahathir. Lobi untuk menaikan calon masing-masing ketika itu berjalan dengan hebat. Indonesia dipercayai turut menyokong agar King Ghaz dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dan, apabila King Ghaz tidak dipilih, dia dikekalkan di Kementerian Kesukananya, Kementerian Dalam Negeri. Dengan kuasa ISA di tangannya King Ghaz amat ditakuti. Para wartawan yang begitu berani menulis pelbagai cerita juga cuak untuk menghiris hati King Ghaz kerana perbuatan mereka itu boleh menyusahkan diri mereka. Populariti King Ghaz naik mendadak tambahan pula peristiwa penangkapan Tiga Abdul – Abdul Samad Ismail, Abdullah Ahmad (ahli parlimen Kok Lanas sekarang) dan Abdullah Majid – kerana tuduhan terlibat di dalam gerakan komunis.

Bagaimanapun tiga Abdul sudah dibebaskan sejak Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Datuk Abdullah sering-kali membidas King Ghaz kerana tindakan menangkapnya itu. Tun Hussein turut tidak lepas dari kritikan Datuk Abdullah. Mungkin King Ghaz akan muncul semula di arena politik suatu hal yang tidak memerlukan kerana beliau sendiri sudah memberikan "hint" apabila turut menyambut Tengku Razaleigh yang pulang dari luar negeri pertengahan Februari lalu. Mungkinkah seandainya Tengku Razaleigh naik maka King Ghaz akan diberi jawatan penting di dalam kerajaan?

Tan Sri Hamzah Abu Samah, Tan Sri Sharif Ahmad dan Haji Rahim Bakar nampaknya senasib dengan King Ghaz. Peluang mereka untuk menjadi Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri (kalaupun tak jadi Perdana Menteri) rasanya amat tipis. Bagi mengisi masa-masa lapang maka

King Ghaz masih menerima tawaran berceramah dan Tan Sri Hamzah kini aktif di dalam sukan bola sepak.

Satu yang tidak boleh diketepikan ramai tokoh-tokoh veteren UMNO kini terjun ke bidang perniagaan, ramai yang bernasib baik kerana ditawarkan jawatan penting di dalam syarikat-syarikat besar. King Ghaz sendiri kini menjadi Pengurus Paremba, anak syarikat UDA, menggantikan tempat Daim Zainuddin yang dilantik menjadi Menteri Kewangan.

Dan Pahang selepas Tun Haji Abdul Razak nampaknya ketandusan tokoh nasional yang mampu mengugat tokoh-tokoh lain pada masa ini. Dua tokoh dari Pahang yang mempunyai masa depan yang cerah ialah Datuk Seri Najib Tun Razak dan juga Datuk Khalil Yaacob, Menteri Besar Pahang. Dalam masa yang singkat ini tentulah peluang Datuk Seri Najib untuk menjadi Perdana Menteri agak sukar, pertama ramai lagi tokoh-tokoh yang lebih kanan seperti Encik Anwar Ibrahim, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh dan beberapa lagi.

Bagi Datuk Seri Najib, kiranya Encik Anwar bertanding jawatan Naib Presiden, secara otomatis beliau akan memangku jawatan Ketua Pemuda. Secara otomatis juga dia akan menduduki Biro Politik UMNO dan dalam Majlis Tertinggi. Bagaimanapun tidak mustahil Datuk Seri Najib akan menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua Pemuda tahun depan kerana ramai calon-calon yang berminat untuk menjadi Ketua Pemuda. Ibrahim Ali, EXCO Pergerakan Pemuda dari Kelantan tentulah berminat untuk memimpin Pemuda pula kerana beliau pernah menjadi Ketua Pemuda Berjasa (sekarang Berjasa hampir tidak aktif). Mungkin juga Datuk Haji Suhaimi akan "make a comeback" di dalam pimpinan Pemuda kerana mungkin ada penyokong beliau yang masih bersimpati dengan nasibnya sekarang. Aneh, Singa UMNO – Syed Hamid juga tidak mati cita-citanya untuk duduk di atas kerusi Ketua Pemuda dan tidaklah memerlukan untuknya bertanding sekali lagi.

Melihat dari iklim politik hari ini dan pengaruh Datuk Seri Najib yang juga Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, maka harapannya untuk menjadi Perdana Menteri 20 atau 30 tahun akan datang adalah cerah. Dan apa yang menarik tentang nama Najib itu sendiri ialah ramalan seorang tukang tilik dari Vietnam yang berkata, barisan pemimpin negara ber-

asaskan kepada nama Tunku ialah RAHMAN. Perdana Menteri pertama ialah Tunku Abdul Rahman (Rahman), diikuti oleh Tun Abdul Razak (Abdul), lepas itu jawatan itu disandang oleh Hussein Onn (Hussein) dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir (Mahathir). Siapa selepas Mahathir mungkin mempunyai pangkal huruf A. Ada yang berpendapat Abdul Ghafar Baba, Anwar Ibrahim, Abdullah Badawi dan beberapa lagi.

Selepas A tadi maka timbul pula N. Kerana adanya huruf N lah yang menyebabkan orang segera merasakan Najib mungkin akan menjadi Perdana Menteri suatu hari nanti. Tetapi Najib bukan saja seorang yang mempunyai pangkal huruf bermula dengan N, lain-lain yang nama bermula dengan N ialah Nazri Aziz Yeop, Napsiah Omar.

Jadi sejauh mana Najib akan menunjukkan potensinya banyak bergantung kepada keputusan Perhimpunan Agong UMNO 24hb April, 1987. Jika Anwar bertanding Naib Presiden dan meletakan jawatan Ketua Pemuda maka peluang Najib untuk memangku adalah cerah. Kerana Naib Presiden dilarang memegang dua jawatan sekali gus – Naib Presiden dan Ketua Pemuda. Dari segi perlumbagaan Anwar tidak perlu meletakan jawatan Ketua Pemuda untuk bertanding jawatan Naib Presiden. Mungkin dari segi maruah, dia haruslah berbuat demikian bagi mengelak sebarang salah sangka yang Anwar "gila" pangkat dan kuasa. Andai kata Anwar terpilih menjadi Naib Presiden maka dia akan meletakan jawatan Ketua Pemuda. Sekaligus jawatan itu akan dipangku oleh Datuk Najib sebelum Perhimpunan Agong Pergerakan Pemuda tahun depan memilih calon Ketua.

Semasa memangku ini tentulah barisan pemuda akan berada di bawahnya dan di sinilah Datuk Seri Najib akan membina kekuatan seperti mana yang dibuat oleh Anwar. Melalui Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab secara direct ke atas pemuda-pemuda (belia) maka Datuk Seri Najib yang mempunyai kekuasaan yang padu.

Berbalik kita kepada soalan asal tadi nampaknya calon dari Pahang tidak ada setakat ini. Begitu juga dengan Khalil, pengalamannya di bidang pentadbiran dan politik UMNO masih memerlukan bimbingan, tapi peluang dia untuk meningkat juga adalah cerah.

Bagi Datuk Khalil, sebagai muka baru di dalam politik setelah berhenti dari perkhidmatan kerajaan, telah menempa

nama. Di dalam Pemilihan tahun 1984, Datuk Khalil yang ketika itu Timbalan Menteri Pelajaran menduduki tempat pertama di dalam pemilihan Majlis Tertinggi dengan undi sebanyak 953. Beliau mengalahkan ramai menteri dan menteri besar. Tujuh orang menteri besar dan ketua menteri, empat Menteri dan empat Timbalan Menteri berada di bawahnya. Popularitinya itu kerana Datuk Khalil mempunyai penyokong kuat di kalangan guru-guru, sebagai Timbalan Menteri Pelajaran, sudah tentu sokongan para guru tidak akan berbelah bagi.

Andainya dia menerima tawaran bertanding Naib Presiden, mungkin dia juga akan menjadi pencabar utama. Tengku Rithauddein pernah menduduki tangga tertinggi dalam Majlis Tertinggi dan apabila beliau bertanding jawatan Naib Presiden, dia menang tapi pemilihan 1984, dia tewas pula.

Jika calon-calon dari Pahang tidak naik maka siapakah calon yang bakal naik?

Jika diikuti dari segi cycle tadi maka calon selepas Pahang ialah Johor. Bila bercakap tentang calon dari Johor apa yang menarik ialah terdapat begitu ramai calon-calon. Mereka terdiri dari Timbalan Presiden UMNO (Datuk Musa Hitam), Menteri Besar (Haji Mahyuddin Yassin), Datuk Shahrir Samad, Datuk Ajib Ahmad dan beberapa lagi. Sehingga Februari 1986, calon Johor ialah Datuk Musa Hitam. Beliau telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1981 berikutan kemenangannya mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan Presiden. Tiga tahun kemudian Datuk Musa berjaya mempertahankan jawatan itu mengalahkan Tengku Razaleigh sekali lagi. Malangnya atas sebab-sebab tertentu Datuk Musa melepaskan semua jawatan-jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO dan Menteri Dalam Negeri.

Setelah dipujuk rayu oleh empat delegasi Majlis Tertinggi yang menemuinya di London, Datuk Musa bersetuju menarik balik perlatakan jawatan Timbalan Presiden UMNO. Walau-pun pada mulanya Datuk Musa meletakkan semua jawatannya tetapi dengan penerimaannya sebagai Timbalan Presiden dapat dianggap satu persediaan menghadapi sebarang kemungkinan menimpa Dr. Mahathir. Dalam konteks politik ketika ini peluang Datuk Musa untuk menjadi Perdana Menteri adalah cerah. Peluang ini pula bergantung kepada kesihatan Perdana Menteri. Sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir

sakit tenat sehingga terpaksa meletakan jawatan maka secara otomatis Datuk Musa akan mengangkat sumpah memegang jawatan Perdana Menteri. Ataupun sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir mati maka Datuk Musa adalah calon yang sahih untuk menjadi Perdana Menteri.

Walaupun pada masa ini Encik Ghafar Baba yang menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi dari segi hieraki dalam UMNO, Datuk Musa adalah orang kedua. Maka atas sebab kedudukannya di dalam parti selaku Timbalan Presiden maka dia akan menjadi Perdana Menteri. Bagaimanapun peluang mudah ini akan berakhir pada 24hb. April, 1987 kerana pada hari itu perwakilan UMNO akan memilih anggota-anggota Majlis Tertinggi. Sekiranya Encik Ghafar yang akan bertanding Timbalan Presiden menang, maka sudah tentulah peluang Datuk Musa tersekat.

Bagaimanapun ini tidak bererti Datuk Musa tidak mempunyai peluang langsung untuk menjadi Perdana Menteri. Beberapa contoh menunjukkan para pemimpin UMNO yang dipecat ataupun terpaksa berhenti kembali memegang jawatan. Datuk Hussein Onn meninggalkan UMNO kerana gagal menjadikan UMNO parti multiracial. Datuk Hussein berlepas ke London untuk menuntut undang-undang. Sehinggalah Tun Razak berkuasa, dia pulang dan terus diambil menjadi anggota kabinet.

Akhirnya peluang terbuka untuk dia menjadi Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir pula pernah dipecat dari UMNO kerana menentang kepimpinan Tunku Abdul Rahman, bekas Presiden UMNO. Setelah dipujuk rayu oleh Datuk Harun Idris, Dr. Mahathir yang kembali ke pangkuhan UMNO muncul sebagai tokoh terpenting UMNO. Dia kemudian dilantik menjadi Perdana Menteri setelah kesihatan Tun Hussein terganggu.

Tokoh lain dari Johor yang mempunyai peluang yang cerah ialah Haji Mahyuddin Yassin. Sebagai bekas EXCO Pergerakan Pemuda dan Menteri Besar, Haji Mahyuddin mulai diterima sebagai seorang tokoh muda Johor yang sedang membina nama. Hubungan baiknya dengan pihak pusat terutama dengan Anwar Ibrahim merupakan satu faktor yang boleh membantu masa depan politiknya.

Politik PJK ini sejak 1957 telah menentukan siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri. Tetapi satu soalan yang mungkin menarik perhatian kita ialah apakah PJK itu mest-

nya Pahang, Johor dan Kedah? Sebenarnya dari keadaan sekarang hakikat ini tidak boleh diketepikan. Sejak 1957 lagi, kita mempunyai empat orang Perdana Menteri. Melainkan calon-calon dari Kedah, Johor dan Pahang baru seorang menjadi Perdana Menteri. Sejauh mana sejarah ini akan berulang masa saja yang boleh menentukan.

Melihat kepada tokoh-tokoh yang ada hari ini, PJK ini nampaknya tidak mungkin melambangkan calon-calon dari Pahang, Johor dan Kedah. PJK mungkin merupakan Pulau Pinang dan Kelantan. Walaupun susunan PJK kekal tetapi kali ini Perdana Menterinya mungkin datang dari Pulau Pinang ataupun Kelantan.

Dari Pulau Pinang, dua orang calon yang berkaliber, Anwar Ibrahim dan datuk Abdullah Ahmad Badawi, nampaknya mula diterima sebagai tokoh nasional. Datuk Abdullah ialah Naib Presiden UMNO. Anwar Ibrahim pula, Ketua Pergerakan Pemuda mulai nampak sebagai bakal Perdana Menteri. Beliau telah diuji dari berbagai segi sejak di zaman ABIMnya lagi.

Dari Kelantan pula, Tengku Razaleigh Hamzah telah menunjukkan bakat semulajadi. Dari segi kerjanya dia dianggap seorang yang "tajam daya fikir" dan pernah diramal oleh Majalah Times pada 1974 sebagai seorang bákal pemimpin negara ini. Peluang Tengku Razaleigh untuk menduduki tempat tertinggi masih belum pudar meskipun kini sudah tidak ada apa-apa jawatan di dalam Majlis Tertinggi.

Gabungan tenaga Johor dan Kelantan yang tak senang dengan pentadbiran Dr. Mahathir dikatakan memudahkan Tengku Razaleigh untuk menjadi orang nombor wahid dalam UMNO.

Soalnya sekarang – apakah gabungan J dan K (M dan TR) padu? Realiti menunjukkan terdapat orang Johor yang menyokong Tengku Razaleigh tapi tak sukaan Datuk Musa dan demikian sebaliknya yang berlaku di Kelantan.

Semuanya ini berlaku disebabkan oleh faktor hubungan peribadi. Ada orang Johor yang termakan budi Tengku Razaleigh. Dan inilah ketikanya untuk mengenang jasa anak raja dari Kelantan itu. Faktor kedua – luka lama kesan dua kali pertandingan lalu masih ada parutnya. Serang menyerang antara pengikut Musa dan Tengku Razaleigh bukan sahaja melibatkan masa malahan wang ringgit. Pertarungan ketika itu bukan lakonan tetapi suatu yang serious.

Perkembangan terbaru telah menimbulkan tanda tanya – apakah yang terjadi sekarang merupakan satu babak laluan? Dahulu menjadi musuh, sekarang menjadi kawan untuk berhadapan dengan tawke yang telah dianggap musuh.

Benarlah pendapat yang menyatakan tidak ada yang kekal dan mustahil dalam politik. Dulu bermusuh sekarang menjadi kawan. Sejarah menunjukkan ikatan yang berasaskan kepentingan diri atau kelompok tidak akan kekal yang kekal – bagaimana mahu menyelamatkan diri sendiri?


Agak menghairankan – mengapakah bahagian Johor Baru tempat orang kanan Datuk Musa (Datuk Shahril) mencalonkan Datuk Musa sebagai Presiden UMNO?

Orang Tengku Razaleigh tentu maklum inilah yang dikatakan percaya ada harap tiada. Sepatutnya bahagian Datuk Musa atau bahagian lain yang mencalonkannya. Jika orang kanan sendiri sudah mencalonkannya – apabila yang dapat menyakinkan kem Tengku Razaleigh bahawa kem Musa benar-benar iklas menyokong Tengku Razaleigh untuk menentang Dr. Mahathir.

Opi! itu bayang



Kunjungan Datuk Musa ke jamuan Hariaya Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri.





*"Ayoh, kalau berani lawan secara berdepan" –
Agaknya begitulah cabaran Datuk Najib*




Orang yang dikira faham Islam di bawa masuk menyertai kabinet. Datuk Dr. Mohd Yusof Noor sedang menunjukkan model cadangan Planetarium berharga puluhan juta untuk menarik ramai pelawat/pelancung datang ke Pusat Islam.

Tengku Razaleigh mengatakan sesatu kepada Datin Maria isteri Datuk Musa.




Upacara memotong kek settinggi enam tingkat oleh Datuk Musa dan isterinya Datin Zulaikhar Sheardin sempena perkahwinan mereka di Shangri La Hotel.



Seorang lagi ulama di dalam UMNO – Datuk Wan Mokhtar Ahmad Menteri Besar Terengganu bersama anak dan isterinya.

Isteri Perdana Menteri menyematkan lencana Bakti kepada isteri Timbalan Perdana Menteri - Hajjah Asmah Alanq.



KISAH ORANG JOHOR

Tarikh 28hb. Februari 1986 benar-benar memerlukatkan orang UMNO Johor. Apa tidaknya, semua muka depan akhbar dari yang berbahasa Malaysia hingga ke bahasa Tamil membawa tajuk besar "Datuk Musa Letak Jawatan". Hampir semua orang UMNO Johor tergamam. Mereka bagaikan tidak percaya berita itu. Berulang kali dibaca, takut-takut tersalah baca.

Reaksi pertama ialah menelefon pejabat UMNO atau mananya rumah Ketua Cawangan atau Setiausaha Cawangan yang ada telefon. Tidak kurang pula yang datang sendiri ke rumah untuk mencari kepastian tentang berita itu. Tapi rata-ratanya hampa, Ketua Cawangan juga sama terlopong membaca berita itu.

Mana-mana Ketua Cawangan yang ada hubungan rapat dengan pemimpin UMNO peringkat negeri sibuk pula memutar nombor mencari Datuk-Datuk atau Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO untuk mendapatkan penjelasan. Tapi sayang, Datuk dan Yang Berhormat juga tak dapat nak kata apa. Mereka sendiri tak tahu apa yang berlaku. Ada yang hanya memberitahu: "*Kita akan adakan mesyuarat khas tergempar untuk menjelaskan perkara ini*". Tapi sebenarnya jika hari itulah diadakan mesyuarat tergempar itu mereka sendiri tak tahu nak jelaskan apa.

Menjelang malam pada hari yang sama ahli-ahli UMNO Johor yang dikatakan penyokong setia Datuk Musa masih tidak tahu apa yang berlaku kepada wira mereka itu. Tiada siapa yang dapat menjelaskan kepada mereka mengapa Datuk Musa meletak jawatan. Mereka juga tidak tahu di mana sebenarnya Datuk Musa ketika itu dan tidak juga tahu untuk apa dia letak jawatan. Penyokong-penyokong setia ini benar-benar hampa.

Tapi pada keesokan harinya akhbar cepat-cepat diburu. Penyokong-penyokong setia ini benar-benar hendak tahu apa yang berlaku. Mereka berasa berhak tahu kerana mereka orang Johor dan perlu lebih tahu daripada orang lain mengenai apa yang terjadi kepada pemimpin mereka. Tapi, sayang apa yang tercatat di akhbar juga tidak dapat menjelaskan banyak perkara. Mereka bertambah hampa kerana pemimpin negeri juga sudah habis berhijrah ke Kuala Lumpur dan tidak ada yang tinggal untuk menerangkan kepada ahli-ahli UMNO Johor itu. Kehampaan itu bagaimanapun disabarkan juga dengan andaian pemimpin negeri pergi ke Kuala Lumpur untuk membela Datuk Musa walaupun hakikatnya pemimpin-pemimpin Johor ini ke Kuala Lumpur kerana hendak tahu apa sebenarnya yang terjadi sebab mereka sendiri tidak tahu apa-apa mengenai perkara itu.

Masuk hari ketiga, pemimpin UMNO yang tinggal di cawangan sibuk mengadakan mesyuarat tergempar di sana sini. Rata-ratanya mengambil keputusan menyokong Datuk Musa dan berikrar sehidup semati dengan Datuk Musa walau-pun tidak tahu hujung pangkal ceritanya. Kalau ada yang bertanya mengapa sokong tak tentu arah maka mereka akan diherdik; "Heh . . . kitakan orang Johor, kalau orang Johor tak sokong orang Johor, siapa lagi! Tak kiralah untuk apa di-sokong . . . janji sokong!"

Begitulah bermulanya kegemparan cerita Datuk Musa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO. Walaupun Datuk Musa dikatakan berkubu kuat di Johor tapi sayang semua penyokong setia Datuk Musa hanya terganga mendengar desas-desus di sana sini tanpa mendapat kepastian.

UMNO Johor memang terperangkap dengan peristiwa itu. Mereka tak tahu langsung akan niat pemimpin kebanggaan mereka itu hendak meletak jawatan. Dalam hati mereka berkata "*sampai hati Datuk Musa, kita orang Johor pun tak di-beritahu akan apa yang hendak dibuatnya*". Kalau benarlah kita ni mengamalkan politik kampung, sepatutnya baliklah ke kampung beritahu saudara mara tentang masalah yang dihadapi. Ini tidak, membawa diri pula sampai ke negeri Arab, sampai ke London . . . Aduh manalah orang kampung nak cari duit pergi ke sana untuk mendengar berita.

Tapi tak mengapa, untuk kepentingan UMNO Johor, sampai ke negeri Arab atau sampai ke London pun kita akan

pergi pujuk. Maka penyokong setia ini pun adakan tabung untuk kumpul duit hantar rombongan pergi pujuk Datuk Musa. Kalau ada duit yang terselit tersepit itu dikeluarkan untuk didermakan kepada tabung untuk pujuk Datuk Musa, untuk bawa balik Datuk Musa, untuk lihat sendiri yang Datuk Musa itu selamat. Kepada rombongan yang hendak pergi ke London itu dikirimkan tepak, sirih, dikirimkanlah pantun, moga-moga baliklah pemimpin dan wira itu.

Tidak dapat dinafikan memang lurus benar hati ahli-ahli UMNO Johor. Sungguhpun mereka kebanyakannya hanya petani di ladang sawit atau kelapa tetapi kejujuran kepada pemimpin memang tidak disangsikan. Memang mereka percaya benar segala cakap-cakap pemimpin mereka. Memang mereka percaya setiap patah perkataan pemimpin itu. Berilah apa cerita pun kepada mereka cakap pemimpin itu tetap mereka tanpa banyak soal.

Tetapi ini semua ada batasnya, jika sudah keterlaluan di-permain-mainkan mereka akhirnya yang baik akan menjadi buruk. Seperti juga bagi seorang anak yang merajuk, kalau sudah terlampau dipujuk tak mahu juga, maka sampailah masanya rotan saga menjadi pemujuk.

Begitu jugalah dengan kisah Datuk Musa. Dari hari ke hari sudah puas penyokong setia menunggu kepulangannya tetapi nampaknya suasana di London itu agaknya lebih indah dari pada banjir di Sri Medan atau kelapa yang tak laku di Pontian maka bagaikan tak sudi Datuk Musa hendak pulang ke kampung halaman. Sepertilah kisah ibu Si Tanggang yang terkejar-kejar menunggu kepulangan anaknya, begitulah halnya dengan ahli-ahli UMNO Johor yang terkejar-kejar ke Lapangan Terbang Changi, Singapura pada 18hb. Mac 1986 kerana terdengar kabar anak jati kesayangan sudah sampai di situ. Tapi hampa, wajah anak tidak juga kelihatan.

Ini menjadikan semakin ramai penyokong setia yang tawar hati. Apabila Datuk Musa pulang ke Kuala Lumpur pada 12 April 1986, penyokong setia di kampung di Kota Tinggi hanya mendapat tahu melalui akhbar. Pada mulanya ada juga harapan yang dalam sehari dua lagi akan pulanglah Datuk Musa ke Johor tetapi hampa juga. Hanya 19 hari selepas kepulangannya barulah Datuk Musa menjelaskan kakinya ke Johor, itupun di Muar dan bukan di Kota Tinggi di mana UMNO Panti ketika itu yang pernah bertungkus-lumus memastikan tiada siapa mencabar Datuk Musa untuk bertanding

kawasan pilihanraya Panti tahun 1982. Mengenangkan ini hati semakin tawar – "Kita saja terkenang-kenang, orang tak suhi kita tak tahu".

Akhirnya, sejinak-jinak kucing ditarik ekor melawan juga. Oleh kerana sudah terlalu lama bersabar maka mulalah ber golak UMNO Johor. Sudah ada orang mula mempertikaikan kejujuran Datuk Musa dalam berpolitik di Johor. Sudah ada yang semakin terasa mereka dipermain-mainkan. Dan suara-suara membantah ini semakin lama semakin kuat kedengaran. Dari cawangan ke cawangan desas desus mempersoalkan tindak tanduk Datuk Musa ini semakin hangat diperkatakan di merata ceruk di Johor. Tapi, tidak ramai yang berani bercakap terang-terangan kerana entah mengapa sudah menjadi satu tradisi di Johor, Datuk Musa tidak boleh disanggah apa lagi dipersalahkan. Jika berani cakap berdepan-depan alamat kena cap sebagai penderhaka kepada orang Johor.

Ini memang sudah terbukti. Ketika Datuk Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dulu, apa cakapnya mesti diikut. Apa-apa yang hendak dibuat dalam UMNO Johor mesti terlebih dahulu mendapat restu dari Datuk Musa. Jangan buat sebarang, nanti Datuk marah. Sehinggakan ketika kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1984, untuk menjemput Tengku Razaleigh Hamzah (pada masa itu mencabar Datuk Musa untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO) merasmikan mana-mana mesyuarat perwakilan bahagian UMNO di Johor perlu terlebih dahulu mendapat restu Datuk Musa. Tiada siapa yang berani menjemput tak tentu arah.

Bahagian Air Hitam pada mulanya disaran menjemput Tengku Razaleigh tetapi Ketua bahagiannya tak berani. Akhirnya bila Datuk Musa memberi restu kepada UMNO Bahagian Semerah untuk menjemput Tengku Razaleigh, barulah Ketua Bahagian berani menghantarkan jemputan. Malah ketika Tengku Razaleigh datang ke bahagian itu pada bulan Mei 1984, dalam pembukaan ucapannya Tengku Razaleigh berterima kasih kepada Datuk Musa kerana merestui kedatangannya ke Semerah. Begitulah takutnya pemimpin UMNO Johor ketika itu.

Jika ada yang cuba memandai-mandai dalam UMNO Johor ketika itu, pasti akan menerima tekanan dalam UMNO Johor. Begitulah yang terjadi apabila tokoh veteran UMNO Johor, Tan Sri Othman Saat yang mengundang Tengku Razaleigh

Hamzah ke rumahnya pada 23hb Mei 1984, semua orang-orang kanan Datuk Musa heboh. Pandangan serong tertumpu kepada bekas Menteri Besar Johor itu. Tetapi, Tan Sri Othman bukan calang-calang orangnya, beliau bukan sahaja berani menjemput Tengku Razaleigh malah secara terang-terangan mengisyiharkan sokongannya kepada Tengku Razaleigh. Ramai pemimpin Johor yang ternganga melihatkan keberanian Tan Sri Othman. Dalam pada itu ramai pula yang menanti apa Datuk Musa hendak buat terhadap Tan Sri Othman. Seperti yang diduga, memang Tan Sri Othman tidak boleh hendak diperangkap. Cuma, dalam pemilihan bahagian berikutnya Tan Sri Othman ditentang.

Semua ahli UMNO Johor tahu ketika itu, kuasa Datuk Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak dapat dipertikaikan. Sehingga orang-orang kanan Datuk Musa sendiri juga tidak boleh dihalang tak tentu arah. Setiausaha Politik Datuk Musa yang menjadi ahli baru di Bahagian Parit Sulong (sebelumnya Semerah) juga tidak boleh dipertikaikan kata-katanya. Apabila sampai musim mesyuarat penyelarasan UMNO 1985, Setiausaha Politik itu terang-terang mahukan jawatan Ketua Pemuda walaupun sudah ada tokoh lama yang lebih kuat pengaruhnya pada masa itu. Tetapi oleh kerana yang meminta jawatan itu adalah orang kanan Datuk Musa maka jawatan itu dibagi percuma kepadanya. Orang lama kenalah beralih sekadar menjadi Naib Ketua. Apa hendak dikata. Semua ahli pemuda UMNO Parit Sulong tahu cerita ini. Semua orang tahu ketika itu akan kuasa orang-orang Datuk Musa.

Tetapi bukan semua orang UMNO Johor ini penakut. Bukan semuanya gentar. Contoh yang ditunjukkan oleh Tan Sri Othman Saat itu sudah cukup memberi kekuatan kepada Datuk Mohamad Rahmat tampil menyatakan yang benar. Datuk Mohamad yang juga seorang veteran dalam politik Johor tidak pernah bimbang akan pengaruh Datuk Musa yang dikatakan begitu kuat. Malah Datuk Mohamad memang sudah tahu kokok yang kuat itu tajinya tidak seberapa.

Maka itu UMNO bahagian Pulai pimpinan Datuk Mohamad semakin lantang memperkatakan yang benar. Bagi ahli-ahli UMNO bahagian itu yang benar tetap benar dan yang tidak betul perlu diperbetulkan. Apabila desas desus semakin kuat memburuk-burukkan UMNO pusat, orang-orang Datuk Mohamad mula bertanya kepada penyokong Datuk Musa

yang masih setia; apa perlunya ditukar pucuk pimpinan yang ada sekarang? Maka dengan megahnya dijawab – “*Mereka menyeleweng mereka gila kuasa, mereka pentingkan diri sendiri*”. Tetapi orang apabila orang Pulai bertanya lagi: “*Apa buktinya? Tunjukkan tandanya? Berikan alasan munasabah?*” maka penyokong setia terdiam. Mereka minta tempoh untuk mencari jawapan.

Siapa kata hanya ahli UMNO Pulai yang berani bersuara menentang Datuk Musa? Kononnya Datuk Musa jugalah yang merayu-rayu supaya Datuk Mohamad dikenakan dalam kabinet. Dan, kononnya lagi kepada Dr. Mahathir juga Datuk Musa merayu supaya Datuk Mohamad tidak diketepikan.

Jika ini cerita yang dilaung-laungkan di Johor maka nam-paknya tidak ada pemimpin UMNO Johor yang dipersiasiakan oleh Datuk Musa. Jika orang Johor percaya akan cerita-cerita ini maka terpaksalah menerima hakikat bahawa tidak ada pemimpin di Johor boleh hidup tanpa Datuk Musa. Betulkah begitu?

Entahlah, tetapi agaknya yang boleh menjawab persoalan ini mungkin bekas Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Datuk Abdul Jalal Abu Bakar. Mungkin bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu boleh menjelaskan segala-galanya. Agaknya Datuk Jalal ketika terkeluar daripada senarai untuk menjadi Menteri Besar Johor selepas pilihanraya 1984 kerana Datuk Musa terlupa hendak merayu kepada Perdana Menteri, sebaliknya tersasul menyabut nama Setiausaha Politiknya, Abdul Ajib Ahmad.

Ahli-ahli UMNO di Batu Pahat terutamanya dari Rengit tentu dapat menjawab segala persoalan ini dengan lebih tepat. Tentu mereka tidak dapat melupakan betapa hebatnya kempen pilihanraya 1984 untuk memastikan Datuk Jalal yang ketika itu Timbalan Menteri Kerajaan Pusat menang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Rengit. Semua orang tahu ketika itu Datuk Jalal adalah bakal Menteri Besar Johor. Tetapi, rupa-rupanya setakat itu sahajalah khidmat Datuk Jalal yang dikehendaki.

Ketua Perhubungan UMNO Johor ketika itu yang kebetulan adalah Datuk Musa nampaknya buat-buat tak tahu sahaja apabila orang lain dilantik menjadi Menteri Besar. Untuk jaga hati ditawarkanlah jawatan EXCO kepada Datuk Jalal konon sebagai pubugat hati. Tapi, sebenarnya bukan hati

Datuk Jalal yang perlu diubat tetapi adalah hati ahli-ahli UMNO Batu Pahat yang perlu dipelihara. Oleh kerana orang Batu Pahat tidak mahu dituduh penderhaka pada masa itu maka perkara itu didiam begitu sahaja.

Ini semuanya kisah-kisah yang membuktikan bukan semua orang Johor boleh ditindik hidung. Johor belum ketandusan pemimpin yang sanggup berdiri memperkatakan kebenaran kepada pemimpinnya sendiri. Sekadarkan kerana tidak mahu menghebohkan perkara yang tidak perlu dihebohkan maka ramai antara pemimpin ini yang lebih suka berdiam diri. Tetapi jika benar-benar sudah terdesak, pemimpin veteran yang menang boleh lantang jika mahu lantang seperti Ketua UMNO Bahagian Kluang, Datuk Syed Zain Edrus Al-Shahab, kata-kata mereka sukar hendak dipertikaikan oleh budak-budak mentah (Meminjam istilah Ketua Pemuda UMNO Parit Sulong) penyokong Datuk Musa ini. Jika hendak bercerita lebih panjang dan lebih sedap didengar, rasanya Datuk Syed Zain memang tidak menghamparkan terutamanya jika dia mahu bercerita tentang kisah sambutan Jubli Perak UMNO Bahagian Kluang pada 29hb Disember 1985.

Pada hari itu memang hebat sambutan yang disiapkan oleh Datuk Syed Zain untuk Datuk Musa merasmikan sambutan itu. Gambar Datuk Musa yang lebih besar dari wajah dengan kereta berhias beraneka lambang berderetan membanjiri bandar Kluang. Niat murni Datuk Syed Zain untuk tunjukkan betapa sayangnya orang Kluang kepada pemimpin mereka. Tetapi sayangnya keringat orang Kluang ini meleleh begitu sahaja. Datuk Musa yang ditunggu tidak tiba. Alasan yang diberi ialah helikopter TUDM rosak. Sama ada benar rosak atau tidak memang sukar hendak dipastikan tetapi rasanya kalau benar-benar rosak dan tidak ada helikopter lain sebagai gantian nampaknya TUDM mempunyai banyak soalan untuk dijawab kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Bagaimanapun, apa yang pastinya ketidakhadiran Datuk Musa pada hari itu memang sudah diduga.

Sebelum daripada itu UMNO Bahagian Kluang memangnya adalah satu bahagian yang tidak begitu digemari oleh orang-orang kanan Datuk Musa kerana kelantangan ketuanya. Malah Ketua Perhubungan UMNO Johor ketika itu, Datuk Abdul Ajib Ahmad kerapkali menyindir memberi petanda yang pilihanraya sekali lagi nampaknya Datuk Syed Zain

eloklah bersara. Tetapi Datuk Syed Zain seorang ahli politik yang telah matang dan tidak mahu melayan kerena orang muda yang baru belajar berpolitik. Kata-kata sedemikian di-biarkannya begitu sahaja malah apabila Bahagian Kluang di-suruh bermesyuarat sekali lagi dalam proses menyelarasan kawasan pada tahun 1985, Datuk Syed Zain menerima ke-putusan itu dengan hati yang terbuka – sanggup memberi ganti rugi kepada perwakilan yang sudah berpeluh-pelüh datang untuk bermesyuarat. Semuanya kerana apa? Kerana Datuk Syed Zain tidak mahu ditindik hidung.

Cuma, sebagai penawar kepada segala tekanan ini orang Kluang pasti tidak lupa pada 21hb. Februari 1986, bilamana Perdana Menteri sendiri sanggup tidak menghampaskan jemputan orang Kluang untuk melawat kawasan itu. Kali ini Datuk Syed Zain tunjuk kehandalannya. Jika Timbalan Perdana Menteri dijemput tidak datang, Perdana Menteri bila dijemput datang. Ahli UMNO Bahagian Kluang tentu ingat betapa ketika perarakan kereta berhias melalui pentas khas, gambar Dr. Mahathir dijulang dan tepukan gemuruh diberikan tetapi apabila gambar Datuk Musa dijulang, tiada tepukan kedengen sehingga juruacara terpaksa meminta supaya ahli UMNO Kluang bertepuk. Dan, kerana budi bahasa orang Melayu, ahli-ahli UMNO Kluang terpaksalah tepuk. Datuk Syed Zain hanya tersenyum.

Kini kisah-kisah itu semua sudah berlalu. Orang Johor sudahpun membuktikan bahawa mereka tidak sejahil yang disangkakan. Kepada pemimpin ulung UMNO Johor sudah dibuktikan bahawa mereka boleh memberontak jika mereka mahu. Oleh itu orang-orang kanan Datuk Musa dan Datuk Musa sendiri sepatutnya menjelang kini sedar kejujuran dalam kata-kata adalah yang lebih penting. Mengkotakan apa yang dikatakan adalah penting. Sombong dan angkuh tidak membawa ke mana. Datuk Musa sekarang tidak ada pilihan lain tetapi perlu menjelaskan dengan jujur akan apa juga yang hendak diperkatakannya.

Soalnya kini, dalam kempen terbaru Datuk Musa mula memperkatakan topik-topik yang agak berlainan kepada orang Johor. Datuk Musa mula memberitahu orang-orang Johor tentang projek-projek mewah yang membazirkan wang rakyat. Datuk Musa mula memperkatakan kisah enjin kereta proton saga yang berusia 10 tahun dijualkan oleh Jepun kepada Malaysia. Datuk Musa membangkitkan soal-soal

Jambatan Pulau Pinang Dayabumi, saham UMNO yang kadang-kadang sukar difahami oleh sebahagian ahli-ahli UMNO Johor yang mengamalkan politik kampung.

Bagaimanapun Datuk Musa perlu berhati-hati, sekampung-kampung ahli UMNO Johor, sekali mereka boleh membuktikan dakwaan itu palsu mereka boleh bertindak seperti orang Sri Gading atau orang Pulai. Datuk Musa perlu sedar bahawa ahli-ahli UMNO Johor tidak dapat menerima hakikat yang mereka dibohongi kerana seperti yang Datuk Musa sendiri katakan "tentang agama orang Johor bukan calang-calang orang untuk ajak berhadis atau mengeluarkan nas".


Segala dakwaan yang dituturkan oleh Datuk Musa ini, orang Johor akan berusaha mencari jawapannya. Jika benar dakwaan Datuk Musa itu pasti sokongan tidak berbelah bagi untuk Datuk Musa. Jika salah Datuk Musa sendiri yang akan menanggung kesannya. Sehingga mendapat jawapan itu orang Johor akan terus tertanya-tanya benarkah Proton Saga berenjin tua? Benarkah Jambatan Pulau Pinang projek mewah untuk bermegah-megah? Benarkah ekonomi dunia tidak merosot dan yang merosot hanya ekonomi Malaysia? Benarkah itu dan benarkah ini?

Oleh kerana orang Johor bukan calang-calang orang tentang agama, mereka bukan buta al-Qur'an dan hadis. Oleh yang demikian mereka dapat menilai dan membezakan pemimpin yang baik, jujur dan beriman dengan pemimpin yang korap, berpura-pura serta hidup bergelumang maksiat. Kecuali jika majoriti ahli masyarakat telah rosak maka, yang buruk akan terus dipuja. Majoriti orang Johor masih baik malahan mungkin ada yang bertaraf wali.

Sementara menunggu hari pembalasan sebahagiannya telah pun dipamerkan oleh Allah s.w.t di dunia lagi. Segala-galanya merupakan iktibar atau pengajaran untuk kita amati dan insafi.



Datuk Ajib Ahmad – orang kuat Datuk Musa.



Gambar terbaru sewaktu di Segamat – kemesraan bercambah semula.



Orang Johor memang setia kepada pemimpin.


PEMIMPIN PELAPIS

Menyediakan satu barisan pelapis untuk mengambil alih teraju pemerintahan negara adalah satu yang wajar. Sama ada menyediakan bakal penggantinya itu orang pilihannya ataupun orang dari bukan kemnya, hanya masa dan suasana saja yang boleh menentukan. Hakikatnya ialah barisan pelapis amat penting demi menjamin penerusan sesuatu dasar yang dianggap baik dan berfaedah.


Dr. Mahathir di dalam beberapa siri ucapan memandang berat perkara menyedia pemimpin pelapis. Dalam konteks ini Perdana Menteri pernah berkata: "untuk mengekalkan keadaan ini (yakni untuk mengekalkan UMNO memerintah) maka kita haruslah mengatur pemimpin-pemimpin lapisan kedua iaitu Pergerakan Pemuda UMNO bagi menentukan mereka mengambil alih pucuk pimpinan parti bila sampai masanya pemimpin-pemimpin lapisan pertama mengundur diri atau pun dimusnahkan dengan apa cara pun.

"Tetapi perubahan pimpinan itu mestilah berjalan dengan teratur mengikut saluran-saluran tertentu selaras dengan sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan oleh UMNO dan negara ini" katanya. Kata Dr. Mahathir, Pemuda UMNO juga merupakan satu bahagian UMNO yang amat penting kerana ahli-ahlinya merupakan orang-orang yang bakal pengganti meneruskan perjuangan pemimpin-pemimpin lapisan pertama yang terpaksa pergi kerana mereka itu tidak boleh hidup selama-lamanya.

Kesedaran betapa perlunya barisan pelapis ini, maka beberapa tenaga muda diberi kepercayaan oleh Tun Razak, Tun Hussein dan Dr. Mahathir untuk memegang jawatan penting. Akibat dari peluang ini maka berlakulah politik jatuh menjatuh dan fitnah memfitnah kerana ramai yang inginkan




10 tahun lalu Datuk Musa, Menteri Perusahaan Utama, Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan dan Haji Hassan Adli, Menteri Wilayah Persekutuan.



Pertemuan pada 6hb. Februari 1984 – serious nampaknya.

Dua kali bertarung kini bersatu menghadapi musuh bersama - Mana satukah lakunam - dulu
atau sekarang?





Betul ke Datuk Musa ni? Jangan-jangan salah orang tak!

jawatan tinggi. Bagaimanapun keadaan ini tidak dapat dielakkan meskipun Datuk Seri Najib Tun Razak mahukan ahli-ahli UMNO kembali kepada budaya UMNO – bertanding dengan cara yang murni.

Penyediaan satu barisan pelapis ataupun second schloned sudah menjadi satu tradisi di mana-mana juga negara. Setengah negara berusaha untuk menaikkan anggota keluarga atau para sahabat. Setengah negara mengamalkan sistem neopotisim, mengambil anggota-anggota keluarga untuk menduduki jawatan-jawatan penting.

Di Singapura, siapa selepas Lee Kuan Yew masih samar-samar lagi. Beberapa kali Lee Kuan Yew membayangkan kemungkinan besar dia mengundurkan diri dari jawatan Perdana Menteri yang disandangnya sejak tahun 1965, tetapi tarikhnya tidak pula ditetapkan. Hingga hal kemasukan anak lelakinya, Lee Hsien Loong ataupun B.G. Lee ke dalam kabinet, ada dua nama disebut-sebut sebagai pengantinya.

Mereka terdiri dari Dr. Goh Keng Swee, bekas Timbalan Perdana Menteri. Beliau bersara sebelum dilantik menjadi penasihat ekonomi di China. Dr. Goh Chok Thong masih belum mencapai usia 50 tahun dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Mengikut dari segi pengalaman dan usia, dia adalah calon yang layak. Tetapi para pemerhati politik berpendapat kemungkinan Lee Kuan Yew akan melantik anaknya B. C. Lee untuk menggantikannya. Biar apa pun tuduhan orang sama ada dia mahu menjadikan satu dinasti Lee di Singapura, itu satu yang tidak pernah dirisaukan oleh Lee Kuan Yew.

Para penyokongnya mendakwa jika anak Lee menjadi Perdana Menteri pula, dia dipilih kerana kebolehan, bukan kerana pengaruh bapanya. Mungkin ini satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan memandangkan B. G. Lee adalah berkelulusan Oxford dan mempunyai otak yang baik di dalam bidang akademik. Bagaimanapun suatu yang tidak dapat dinafikan ialah kenaikan mengejut dan begitu cepat ke dalam kabinet Singapura ada kaitan dengan pengaruh bapanya.

Keadaan yang hampir sama juga di Filipina di mana semasa Ferdinand Marcos menjadi Presiden (juga lebih dari 20 tahun) dia mengambil isterinya untuk menduduki jawatan penting – Gabenor Manila Metropolitan.

Para sahabatnya menjadi orang kanan di dalam kabinet. Semasa dia sakit, ada ramalan mengatakan isterinya Imelda Marcos akan dilantik mengambil tempatnya. Spekulasi yang sama bertiup beberapa waktu mendakwa Marcos sedang *groom* isterinya untuk menggantinya jika dia mati atau pun apabila dia bersara. Bagaimanapun harapan Marcos untuk membina dinasti di Filipina musnah apabila revolusi rakyat yang dipimpin oleh Corazon Acquino menggulingkannya.

Di Malaysia proses demokrasi yang diamalkan oleh ahli-ahli UMNO menjamin para pemimpin dipilih berdasarkan kepimpinan dan kebolehan, bukan kerana ditonjolkan oleh sesuatu pihak.

Proses melahirkan barisan kedua di dalam UMNO bermula sejak zaman Tunku lagi. Barisan kedua itu mengandungi mereka yang hampir sebaya.

Sebaik sahaja Tun Razak mengambil alih beberapa orang sahabat Tunku yang menjadi menteri digugurkan bagi memberi ruang dan peluang kepada muka-muka baru. Penguguran Tan Sri Khir Johari (bekas Menteri Pelajaran), Tun Sardon Jubir dah beberapa kali mengakhiri "barisan Tunku" sebaliknya digantikan dengan Barisan Tun Razak pula. Pengambilan Tun Hussein sebagai Menteri Pelajaran meskipun ada kaitan persaudaraan tetapi ia masih boleh dipertahankan, kerana Tun Hussein ialah anak bekas tokoh UMNO (pengasas) yang disegani dan pernah menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang pertama.

Dari segi kelayakan pun dia sudah lengkap, lalu mengambilnya tidak boleh dianggap sebagai tidak tepat atau tidak layak, kemungkinan pengambilan berdasarkan pilih kasih tidak dapat dinafikan. Seperti Tun Razak yang dikelilingi oleh beberapa orang termasuk Dolah Ahmad dan Samad Ismail yang didakwa banyak mempengaruhi daya fikir Tun, zaman Hussein agak berlainan.

Satu perkara yang dibuat oleh Tun Hussein ialah menaikkan pangkat beberapa orang tokoh muda dengan cepat. Mungkin satu cara untuk menyediakan barisan pelapis tetapi ia juga memulakan satu perebutan yang hangat di kalangan pemuda. Pengambilan Rahim Bakar, Najib Tun Razak, Rais Yatim, Mokhtar Hashim dan beberapa lagi pemimpin muda untuk duduk di dalam kabinet dan di peringkat negeri sebagai Menteri Besar menyebabkan mereka yang sebaya dengan pemimpin ini berusaha untuk menjatuhkan mereka.

Di peringkat bahagian tokoh veteren digulingkan melalui golongan muda yang mempunyai jawatan di dalam kabinet. Kerana usia mereka masih muda maka pemimpin muda di bawah mereka mempunyai kesukaran untuk naik, seolah-olah ada satu stumbling block. Semakin ramai pemimpin muda dari barisan kedua, ini yang mempunyai pengalaman dan ijazah semakin ketat kedudukan politik UMNO dari dalam. Rebutan di dalam parti bagi mereka yang mahu memanjat tangga kekuasaan semakin hangat.

Seperti negara-negara barat yang lain, hieraki di dalam UMNO semacam mudah ditentukan. Barisan kedua yang disediakan sudah menampakkan siapakah yang bakal mengambil alih teraju pemerintahan di masa hadapan. Selepas Mahathir (sebelum 26hb. Februari, 1986), orang sudah menduga Musa Hitam akan menjadi Perdana Menteri. Jika Musa menjadi Perdana Menteri maka tepatlah ramalan Times Magazine, sebuah majalah terbitan New York bertarikh 15hb Julai, 1974. Majalah tersebut juga meramalkan Tengku Razaleigh akan menjadi pemimpin masa depan.

Musa yang begitu teguh kedudukan berbanding dengan Tengku Razaleigh telah mengatur orang-orangnya. Datuk Abdullah Badawi yang masuk ke dalam kem Musa menang dengan undi terbanyak bagi jawatan Naib Presiden (625 undi).

Datuk Wan Mokhtar yang juga disebut berada di dalam kem Musa turut terpilih ke jawatan Naib Presiden (634 undi). Meskipun Sanusi turut berkempen untuk Musa, gagal terpilih. Mungkin orang-orang Musa tidak sukakan Sanusi menyebabkan Datuk Seri Sanusi kecundang.

Seandainya Mahathir berhenti dan Musa mengambil alih jawatan barisan kedua, kabinet Musa sebenarnya sudahpun lengkap dan siap. Ketika itu orang menduga Dollah Badawi akan menjadi timbalan kepada Musa seandainya Musa jadi Perdana Menteri. Anwar yang lebih popular dari Dollah terpaksa tunduk kepada barisan ini kerana hubungan Anwar dengan Musa tidaklah sebaik hubungan Musa dengan Dollah.

Proses yang disediakan ini tidak dibantah oleh sesiapa kerana UMNO mengakui cara begini adalah cara terbaik untuk memilih pemimpin. Jika diteliti dari dalam inilah orang yang baik dan cara pemilihan ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana jua negara di dunia.

Akan tetapi proses yang sepatutnya berjalan mengikut rangcangan itu tiba-tiba terencat kerana krisis Musa-Mahathir yang mengakibatkan Musa mengundur diri. Di dalam sepuuk surat kepada Dr. Mahathir dan salinan kepada Majlis Tertinggi, Musa berkata dia sudah tidak dapat bekerjasama dengan Dr. Mahathir.

Beberapa tuduhan dilemparkan kepada Dr. Mahathir. Dr. Mahathir mengambil jalan berdiam diri tanpa mahu menjawab tuduhan Musa di khalayak umum.

Sebaik saja Musa berhenti, persoalan siapa selepas Mahathir menjadi tandatanya umum. Soal barisan pelapis pula menjadi perhatian. Pengambilan Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri melenyapkan spekulasi siapa selepas Mahathir untuk seketika. Seandainya, Mahathir meninggal di dalam office ataupun bersara, Musa selaku Timbalan Presiden di jangka akan menjadi Perdana Menteri. Mungkin Musa akan kekalkan Ghafar untuk beberapa waktu sebelum menunjolkan calon pilihannya.

Kemungkinan Musa naik dengan teori ini hanya boleh berlaku sebelum April 1987 tetapi selepas perhimpunan agong 24hb. April, 1987, suasana menjadi lain pula. Ghafar diduga akan bertanding Timbalan Presiden dan peluang dia untuk menang adalah cerah. Kemenangan Ghafar untuk jawatan nombor dua di dalam parti menguatkan kedudukan dan memberikan dia tempat selamat sebagai orang kedua selepas Mahathir. Seandainya Mahathir bersara selepas April 1987 dan Ghafar ketika itu Timbalan Presiden UMNO, sudah pasti Ghafar akan menjadi Perdana Menteri kelima. Sama ada orang bersetuju dengan Ghafar adalah satu hal yang perlu dikupas di dalam sebuah tajuk yang lain.

Untuk memudahkan para pembaca mengikuti pertalian politik UMNO ditekankan di sini bahawa selepas Mahathir ialah Ghafar.

Saya teringat semasa Ghafar disebut sebagai bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri semasa Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, orang segera berjenaka – Ghafar tidak berpelajaran, kalau adapun hanyalah double BA. Ada pula yang bertanya, bolehkah guru sekolah melayu tanpa ijazah menjadi Perdana Menteri? Persoalan itu hampir terjawab apabila Ghafar dilantik menjadi timbalan yang pada perkiraan beberapa pihak sebagai timbalan in transission, atau sementara waktu di dalam mencari orang yang sesuai, perhatian ter-

tumpu kepada beberapa calon. Di dalam haireki sekarang selain dari Ghafar, Wan Mokhtar dan Dollah Badwi ialah pemimpin UMNO terkanan melalui jawatan Naib Presiden. Jika dilihat dari jawatan mereka nyatahah ahli-ahli UMNO mahukan mereka menjadi bakal pewaris barisan pemimpin yang ada.

Peluang Wan Mokhtar untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri tidak boleh ditolak begitu saja, seperti Ghafar, Wan Mokhtar mempunyai potential. Wan Mokhtar seorang pemimpin yang lemah lembut, mempunyai taraf ulama dan penyedih orangnya. Sebab itu sewaktu Musa meletak jawatan dia menangis. Dengan khabarnya ia juga menangis sewaktu di Lapangan Terbang semasa ia pulang menyertai rombongan usaha memujuk Musa dan di depan Mahathir pun dia menangis.

Jika Ghafar ataupun Perdana Menteri mahukannya menjadi Timbalan, tidak ada siapa boleh membantah, tetapi dari dua calon itu Dollah Badawi merupakan calon yang mempunyai hubungan rapat dengan Datuk Musa. Oleh yang demikian kesetiannya sudah tentu kepada tawkenya. Dalam keadaan orang mencari-cari siapakah selepas Mahathir dan Ghafar, orang segera memikirkan Anwar Ibrahim.

Bekas tokoh ABIM ini merupakan calon favourite – kerana kedudukannya selaku Menteri Pelajaran dan orang kesayangan Perdana Menteri, maka Anwar sekarang menjadi calon yang menjadi pilihan perhatian. Tetapi bagi Dr. Mahathir untuk mengambil Anwar sekarang menjadi Timbalan Perdana Menteri tentulah mendapat bangkangan hebat dari tiga orang Naib Presiden. Perkara begini pernah berlaku semasa Tun Hussein nak mengambil King Ghaz sebagai Timbalan Perdana Menteri, ketiga-tiga orang Naib Presiden – Mahathir, Ghafar dan Tengku Razaleigh – membantah ura-ura pengambilan tersebut. Mereka mengugut untuk meletakkan jawatan seandainya Hussein berkeras hendak mengambil King Ghaz.

Atas tekanan inilah Hussein menolak nama King Ghaz sebaliknya memilih Dr. Mahathir. Sama ada pilihan itu adalah pilihan hatinya ataupun kerana tekanan, cuma Hussein saja yang boleh menceritakannya. Atas kesedaran inilah mungkin Anwar tidak boleh diambil pada masa ini menjadi Timbalan Perdana Menteri, walaupun beliau mempunyai sifat-sifat yang cukup untuk memegang jawatan berkenaan. Sebab itu-

lah juga nama Anwar sekarang diperkatakan sebagai bercadang hendak bertanding Naib Presiden. EXCO Pergerakan Pemuda UMNO dan Ketua-Ketua Pemuda UMNO nampaknya bersungguh-sungguh mahukan Anwar bertanding. Kata Nazri, EXCO Pemuda, amat sesuai bagi Anwar untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

"Kemenangan Anwar" membolehkan dia menjadi calon yang paling sesuai untuk menjadi Timbalan dan seterusnya Perdana Menteri", kata seorang tokoh veteran UMNO. UMNO harus berbangga jika Anwar menjadi Perdana Menteri kelak.

Tambah tokoh itu lagi, "suasana politik negara-negara jiran pun sudah berubah maka sampai masanya kita mencari pemimpin seperti Anwar bagi menangani dan menghadapi suasana tersebut".

Malahan jika dibandingkan tokoh-tokoh MCA, GERAKAN dan PBS yang ada di dalam kabinet juga terdiri daripada golongan muda. Sepuluh tahun akan datang mereka telah matang dan amat berpengalaman di dalam politik dan pentadbiran.

Di sinilah perlunya tokoh-tokoh muda UMNO seperti Anwar diketengahkan segera bagi mengimbangi kehadiran tokoh-tokoh dari parti komponen lain di masa akan datang.



Datuk Musa memperkenalkan isteri barunya kepada Tengku Razaleigh.

SIAPA SELEPAS MAHATHIR

Tajuk ini merupakan satu soalan yang paling menarik dan berharga sekali. Soalan ini dikemukakan sejak kebelakangan ini kerana ada tanda-tanda Dr. Mahathir akan bersara dari kerajaan sebelum tahun 1990 ataupun seawalawalnya 1990.

Selama menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir mengalami berbagai cabaran, sama ada dari dalam maupun dari luar. Cabaran dari luar termasuklah semangat anti-British yang dibangkitkan dulu. Meskipun itu berjaya menarik perhatian British dan memaksa Perdana Menterinya, Margaret Thatcher berkunjung ke negara ini, sikap British sudah tidak sebaik dahulu.

Lantaran ahli-ahli perniagaan British pun mula mengalih perhatian melabor di tempat lain. Sama ada matlamat mereka enggan melabur di sini ada kaitan dengan tindakan kerajaan Dr. Mahathir yang anti-British dahulu ataupun ada punca lain tidaklah diketahui. Kita juga tidak tahu sama ada langkah ini bertujuan untuk menjelaskan pencapaian ekonomi negara dari segi pelaboran. Sikap kita terhadap British masih seperti dulu meskipun kedua-dua negara sudah tidak lagi membuat kenyataan yang berapi-api.

Tetapi secara tidak langsung kenyataan Dr. Mahathir tentang semangat Komanwel satu tanda menunjukkan kita kurang senang dengan British.

Kelantangan Malaysia menyuarakan simpati kepada rakyat South Afrika yang tertindas akibat dasar apartied begitu jelas. Singapura dan lain-lain negara yang berada di dalam komanwel pun tidak membuat kenyataan yang begitu berani. Mungkin Lee Kuan Yew merasakan dasar seperti ini boleh

merugikan negaranya yang bergantung kepada pelaburan asing. Singapura juga bergantung kepada industri pelancungan.

Manakala cabaran dari dalam pula terbahagi kepada dua. Pertama, suasana politik di luar UMNO dan kedua dari dalam UMNO sendiri. Walaupun Dr. Mahathir dihadapkan dengan berbagai masalah sosial dan politik pembangkang dia telah berjaya melalui rintangan ini dengan mencatat kejayaan dalam dua pilihanraya. Di sinilah kewibawaannya teruji, malahan mematikan ramalan antarabangsa bahawa kerajaan Mahathir akan tergugat kerana beberapa buah negeri dijangka akan jatuh ke tangan parti pembangkang.

Tindakannya mengadakan pilihanraya awal mengecutkan perut ramai pemimpin UMNO, sehingga sewaktu kempen berjalan ramai tokoh dan menteri UMNO tidak berani meninggalkan kawasan dan negeri masing-masing. Akhirnya selain Dr. Mahathir, hanya Encik Ghafar Baba dan Anwar Ibrahim sahaja yang ke hulu ke hilir berkempen dari negeri ke satu negeri yang dijangka akan jatuh ke tangan parti pembangkang.

Malah di setengah tempat ada calon UMNO di samping berhadapan dengan cabaran pembangkang juga terpaksa berperang dengan orang UMNO sendiri kerana berebutkan tempat. Berbagai peristiwa pelek tapi benar terjadi yang mereng pun ada.

Setelah menang imej Dr. Mahathir mula dipertikaikan, terutama isu perletakan Datuk Musa yang reda seketika menjelang pilihanraya dipanaskan semula menjelang pemilihan. Serangan dan kritik terbuka terus berjalan hingga kini.

Sewaktu berkempen dalam pilihanraya semua projek kerajaan baik kerana yang hendak dimenangi adalah hati rakyat atau pengundi umum.

Sekarang, imej beberapa wajah pucuk pimpinan terpaksa dicomotkan untuk menyerikan wajah tokoh yang mereka dokong dan sokong. Gologan yang telah penced dari kabinet pun turut bangun dan lantang semula seolah-olah mereka juga teraniaya.

Ada dua sebab utama yang dapat difikirkan punca kepada wujudnya beberapa kem di dalam UMNO.

Faktor pertama ada kaitan dengan kedudukan orang-orang ini di dalam kerajaan dan kedua, ada yang berhajat besar untuk menjadi Perdana Menteri satu hari kelak.

Bagi menjamin kedudukan mereka di dalam kerajaan maka mereka terpaksa berpuak-puak, menyokong calon-calon yang bakal duduk di atas. Sebabnya jika tidak berbuat demikian maka bila orang ini naik maka peluang mereka untuk kekal dijawatan tersebut adalah tipis.

Contohnya bila Musa Hitam meninggalkan kabinet, ramai penyokongnya di dalam kabinet berada di dalam dilemma, menyokong Musa terus ataupun mengalah sokongan kepada Dr. Mahathir atau Tengku Razaleigh. Jika mereka menyokong Musa, bermakna mereka akan memusuhi orang-orang Dr. Mahathir, bagi mengelak sebarang iklim kurang senang maka mereka terpaksa berbaik-baik dengan orang-orang Dr. Mahathir. Walaupun mereka boleh jadi pepat di luar rencung di dalam.

Anak-anak ayam yang kehilangan ibu ini terpaksa menunjukkan bahawa mereka menyokong teraju yang ada. Kenyataan umum terpaksa dibuat seolah-olah mereka ini penyokong kuat Dr. Mahathir meskipun dulunya mereka merupakan orang-orang kuat Musa.

Dulu mereka menyokong Musa kerana mereka mengira Musa akan menjadi Perdana Menteri. Bila Musa jadi Perdana Menteri tentulah peluang orang ini untuk naik lebih cerah. Kemenangan Datuk Dollah Badwi merebut jawatan Naib Presiden ada kaitan dengan sokongan Musa. Sanusi yang turut menyokong Musa ketika Musa melawan Tengku Razaleigh gagal kerana orang-orang Musa tidak menyokongnya. Mereka menyokong Dollah Badawi.

Salah satu kesan kepada kem Musa ialah penyikiran Datuk Adib Adam dari jawatan kabinet selepas pilihanraya umum 2hb. dan 3hb. Ogos, 1986. Datuk Adib dianggap orang Musa dan semasa Musa meletakan jawatan beliau pernah menimbulkan supaya diadakan perhimpunan khas untuk membincangkan perkara ini. Ia seolah-olah mahu UMNO menyelesaikan masalah ini cara MCA dulu semasa Koon Swan dipecat dari MCA. Tapi usahanya gagal, dan semasa sedang menuaikan umrah di Mekah, namanya digugurkan dari senarai kabinet.

Namun demikian tidak adil juga, kes Adib Adam tersingkir alasannya kerana ia orang Datuk Musa. Ramai juga orang-orang Musa masih dilantik menduduki kabinet Dr. Mahathir malahan kepada orang-orang Dr. Mahathir perkara ini sema-

cam pelek. Apakah muslihat Dr. Mahathir yang terus mengekalkan orang-orang Musa? Apakah Dr. Mahathir mahu menjinakkan mereka sehingga menjadi orang yang setia dengannya? Mungkinkah ini satu bukti yang menunjukkan Dr. Mahathir bukan pendendam orangnya? Ternyata mereka-lah yang menikam Dr. Mahathir dari belakang dan sekarang dari depan pula.

Kekecohan sesama pemimpin berlaku kerana masing-masing inginkan jawatan Perdana Menteri. Manakala mereka yang bertanding Naib Presiden pula mempunyai impian untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri, setidak-tidaknya jika tidak bermimpikan jawatan itu tentulah mereka tidak akan berkempen begitu hebat untuk menang.

Menurut seorang penulis luar, jawatan amat penting kerana ia merupakan satu pelaburan. Pulangannya lebih besar, justru ia sanggup untuk melabur bagi menjamin kemenangan kerana untungnya lebih berlipat ganda lagi. Kerana inginkan jawatan tinggi itulah maka wujudnya kem-kem. Masing-masing mahukan penyokong untuk mencari pengaruh terutama penyokong yang setia maka mereka terpaksa membuat janji. "Kalau aku menang, engkau akan aku lantik jadi ..." janji begini sering benar dijadikan umpan di dalam kempen UMNO.

Maka bekerja keraslah para penyokong sehingga ada yang tinggalkan anak isteri, ada yang ponteng pejabat berhari-hari kerana mahu menjamin calonnya menang.

Tetapi apa yang menghairankan ialah para perwakilan masih lagi terpedaya dengan janji-janji, asalkan calon itu boleh memberikan sesuatu maka mereka akan menyokong. Calon yang disokong itu mungkin kaki botol atau kaki perempuan, ada yang setengahnya berpura-pura, di depan tokoh tertentu, mereka akan bercakap tentang Islam, bila bersama gang-gangnya maka timbulkan cerita Haadyai dan gadis-gadis seksi.

Namun demikian kebanyakan perwakilan kini sudah matang dan tahu menilai antara kaca dan intan. Mereka sudah kenal siapa yang ikhlas, jujur dan boleh diharap untuk membela agama, bangsa dan negara. Mereka mungkin makan bila dijamu, datang bila dijemput dan mengambil sesuatu jika diberi tetapi soal undi belum tahu kerana itu adalah rahsia.

Pengambilalihan Tun Razak sebagai Perdana Menteri kedua negara ini tidak memerlukan kerana UMNO telah menyediakan landasan untuk beliau melaluinya. Selama 19 tahun menjadi Timbalan Yang Dipertua Agong UMNO membuatkan beliau dianggap sebagai sebahagian dari UMNO yang tak dapat dipisahkan. Dalam erti kata lain, tidak ada calon lain lagi yang mampu mengambil alih jawatan Perdana Menteri melainkan Tun Razak.

Perasaan cemburu tidak berbangkit malah alih-alih UMNO di seluruh negara menyambut baik perlantikan beliau. Perubahan tidak terasa, dasar Tunku banyak diteruskan. Sepatah kata seorang penulis veteren, orang sudah tidak lagi tunggu 100 hari untuk memberikan honeymoon kepada Tun Razak, malah mereka sudah tahu apa yang Tun Razak akan lakukan.

Tun Razak sendiri pernah berkata, "Tiga belas tahun semenjak merdeka jika diibaratkan sebuah rumah, kita telah mendirikan rangka, tiang atap dan lantai. Sekarang kita mestilah mengadakan dinding dan perkakas-perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita benar-benar kehendaki".

Harapan dan hasrat Tun Razak sudahpun sebahagiannya dilaksanakan oleh dua orang Perdana Menteri selepas beliau. Kalaupun perlaksanaan itu tidak sepenuhnya ianya telah banyak merubah suasana berfikir dan kesedaran tanggungjawab sebagai satu rumpun bangsa di bumi ini.

Kesedaran bangsa lain yang sudah mula mempertikaikan Melayu sebagai pribumi tidak dapat menahan kemarahan lalu meminta kaum lain menghormati perjanjian kemerdekaan yang dibuat itu, Janji itu ditagih bukan kerana Melayu mundur dan mengharapkan bantuan, tapi Melayu tidak mahu kacang lupukan kulit dan harapkan pagar, pagar makan padi.

Mungkin dinding rumah yang Tun Razak cakapkan sudah banyak terlaksana terutama setelah Dasar Ekonomi Baru dapat dijayakan tapi masih banyak yang perlu ditambah dan perbaiki. Perkakas-perkakas lain seperti kerusi meja juga perlu diganti. Mungkin kebocoran ataupun dinding perlu diperbaiki, ini tidak bererti mengambil hak bangsa lain untuk bangsa kita, cuma kita mengambil hak-hak kita bagi menghadapi masa depan yang penuh mencabar.

Pemilihan siapakah bakal mengambil alih tugas Perdana Menteri bukan sekadar mengambil alih kerana orang di atas-

nya sudah tiada. Pengganti itu mestilah seorang yang benar-benar cekap, bersih dan amanah. Sama ada Anwar ataupun Abdullah Badawi, sama ada Tengku Razaleigh ataupun Musa, calon itu mesti mempunyai syarat kepimpinan tulin yang memenuhi tuntutan Islam dan budaya setempat. Kalau selama ini rakyat Malaysia mungkin boleh menerima siapa saja menjadi Perdana Menteri tapi keadaan sudah banyak berubah.

Rakyat mengikuti siapakah yang bakal memimpin mereka. Pilihanraya merupakan senjata yang mereka miliki, datang lima tahun maka mereka keluar untuk memilih parti – jika kesombongan yang ditunjukan maka kesombongan itu akan dibalas dengan kesombongan. Rakyat sudah tidak boleh digula-gula dengan berbagai isu.

Para pengundi yang ramai lahir selepas merdeka mahukan kemerdekaan itu untuk rakyat bukan untuk kaum keluarga – atau sahabat handai mereka yang berkuasa.

Perubahan dan suasana politik dunia khususnya di rantau ini menuntut negara mempersiapkan barisan kepimpinan yang bersedia berhadapan dengan berbagai cabaran. Sebagai contoh kelantangan suara B.G. Lee bakal menjadi pewaris kepimpinan Lee Kuan Yew baru-baru ini sewajarnya menginsafkan orang-orang Melayu bahawa inilah rupa pimpinan negara jiran yang bakal dihadapi oleh pimpinan negara di masa depan.

Perasaan ini bukan didorong oleh sentimen kaum, batas negara atau agama tetapi mereka sebenarnya sedang menilai dan memperhatikan sejauh manakah kentalnya perpaduan dan idealisme yang kita perjuangkan.

Bukan sesuatu yang mustahil dalam kehebatan berkempen, mereka mendapat maklumat mudah dari lobi-lobi hotel bagi mengetahui kelemahan barisan pemimpinan negara. Inilah kesempatan paling baik bagi mereka untuk menilai kekuatan moral kita.

Era 90an tidak sama dengan dekad sebelumnya. 1990 juga menjadi garis penamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Apakah dalam kekalutan – siapa bakal meneruskan perjuangan bangsa, kita lupa masa depan nasib generasi akan datang?


Kepada yang sudah gendut – cukuplah dan ingatlah habuan orang lain. Kepada yang sudah berkuasa, cerminlah wajah dan tanyalah diri – sejauh manakah amanah (kuasa) telah dipergunakan? Kepada yang bercita-cita besar tetapi

tak berkeupayaan, jangan dipaksa diri atau mengikut kehendak pengikut.

Semangat perkauman yang kian menebal, sewajarnya mengajar orang Melayu supaya insaf perpaduan adalah wajib. Barisan pimpinan UMNO akan datang harus terdiri daripada mereka yang insaf hakikat ini dan mereka harus mempunyai daya juang dan idealisme yang kukuh. Pimpinan Melayu UMNO harus sedar hanya Islam yang menjadi asas kekuatan. Islamlah yang mewarnai Melayu sehingga menjadi bangsa yang bermaruah dan kuat, ini telah terpahat dan tak mungkin padam dari perbendaharaan sejarah.

Jika ciri-ciri pemilihan sekarang menjadi dominan bukan suatu yang mustahil kata-kata Hang Tuah akan padam dari slogan orang Melayu. Melayu akan hilang di dunia kerana ciri-ciri yang mempertahankan Melayu sudah tiada.








Tengku Razaleigh sedang meraasmikan sebuah masjid.

Encik Ghafar Baba sedang mengangkat sumpah jawatan Timbalan Menteri.

BARISAN PELAPIS



Haji Mahyuddin Yassin

Seorang pemimpin muda Johor yang mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai tokoh besar kelak ialah Haji Mahyuddin Yassin.

Seorang yang lemah lembut tetapi tegas, Haji Mahyuddin dilihat sebagai seorang tokoh yang berkaliber tinggi. Keupayaannya mengalahkan Tan Sri Othman Saat, bekas Menteri Besar Johor sebagai Ketua UMNO Bahagian Pagon kira-kira empat tahun lalu sudah cukup membuktikan ahli-ahli UMNO meyakini kepimpinannya. Ketika itu Haji Mahyuddin hanyalah seorang Timbalan Menteri di dalam kabinet Dr. Mahathir.

Sebagai anggota EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Haji Mahyuddin sudah membina nama di kalangan para Pemuda. Latar belakang ini amat penting seandainya beliau mahu muncul sebagai tokoh politik peringkat kebangsaan pula.

Datuk Muhammad bin Haji Muhammad Taib

Sejak menjadi Menteri Besar Selangor pada awal bulan Ogos, 1986, Encik Muhammad telah menampakkan kesungguhan di dalam mentadbir sebuah negeri yang paling hampir dengan Kuala Lumpur. Setiap hari ada saja aturcara rasmi dan setiap hari ada saja kenyataan penting yang hendak beliau umumkan. Setiap hari Jumaat, beliau akan berada di dalam kawasan dewan negerinya — Batang Kali — untuk menemui dan mendengar masalah rakyat. Lawatan-lawatan ke daerah pedalaman menjadi kegemarannya kerana menurutnya, "saya mahu mendekati dan merasai sendiri masalah rakyat". Datuk Muhammad sebelum ini tidak pernah menjadi anggota EXCO kerajaan negeri, tetapi ini tidak bererti dia tidak mempunyai pengalaman di bidang pentadbiran.

Setelah meninggalkan Universiti Malaya pada tahun 1979, Encik Muhammad menjadi guru mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor. Pada tahun berikut beliau menjadi penolong pengarah di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan pelajaran, Kementerian Pelajaran. Sebelum menjajakan kaki ke menara gading, beliau telah memasuki Maktab Perguruan Harian, Kuala Lumpur. Pada tahun 1967, beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Felda Gedangsa, Hulu Selangor. Pada tahun 1975, lulus Sijil Tinggi Pelajaran dan setahun kemudian memasuki universiti. Beliau mendapat kelulusan ijazah B.A. dengan kepujian. Beliau yang dilahirkan pada 29hb. Julai, 1945 mula aktif di dalam bidang politik sejak sebelum memasuki universiti lagi. Pada tahun 1982 beliau ditawarkan bertanding kawasan negeri Batang Kali. Sepenggal kemudian, dia mempertahankan kawasan itu, tetapi nasibnya baik apabila menang tanpa bertanding.

Minatnya dibidang politik juga kecenderungannya di dalam UMNO semasa beliau kecil. Kedua-dua ibubapanya aktif di dalam cawangan Hulu Bernam. Pada tahun 1980, beliau dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Hulu Selangor dan pada tahun itu juga beliau dilantik menjadi Setiausaha Pemuda UMNO Selangor dan menang tanpa bertanding bagi jawatan yang sama pada 1987.

Sebagai seorang tokoh yang sudah menampakkan bakat-bakat kepimpinan, tandatanya umum ialah apakah dia akan mencontohi Datuk Haji Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor untuk aktif di peringkat nasional pula. Karismanya memang tidak boleh diketepikan hinggakan ada tanda-tanda Selangor akan mempunyai seorang lagi tokoh diperangkat kebangsaan di masa-masa akan datang.





Datuk Megat Junid Megat Ayob

Sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob memang mudah dikenali. Semasa dua orang kakitangan Hospital Besar di tahan di Penjara Pudu oleh enam orang banduan, wajahnya seringkali muncul di kaca TV. Para wartawan mengerumui beliau untuk mendapatkan komen. Kerana rapatnya dengan Perdana Menteri maka apa jua keputusan yang dibuat dianggap mendapat restu Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri. Kerana rapat dengan Dr. MahathirLah maka mudah bagi beliau untuk mendapatkan buah fikiran, sama ada di waktu siang ataupun malam. Selain dari kecerdasan daya fikir, dia seorang yang berani memberikan pendapat. Kadangkala orang lebih kagum mendengar ucapannya dari seorang menteri.

Bagaimanapun kenaikannya di dalam bidang politik bukan melalui jalan mudah. Anak yang lahir di Teluk Intan, pada 8hb. Disember, 1942 ini terpaksa melalui liku-liku hidup yang sengsara. Beliau pernah menjual durian, menanam padi sebelum menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Semasa kecil, dia anak orang susah. Terpaksa bersawah dan menoreh kerana sebagai anak sulong di dalam keluarga, tenaganya amat diperlukan. Bapanya meninggal dunia semasa dia 12 tahun. Beliau mendapat didikan di Sekolah Kebangsaan Air Mati di Telok Intan dari 1984 hingga 1953. Tamat saja pelajaran rendah dia memasuki Sekolah Anderson, Ipoh (1954 – 1960).

Tamat saja persekolahan dia memasuki Pusat Latihan Guru (Teachers Training Centre) di Ipoh. Walaupun dia anak Perak, tetapi ditugaskan mengajar di Kedah. Semasa di sana beliau aktif di dalam Persatuan Guru-Guru. Kecoh 13 Mei tidak melemahkan semangatnya untuk memasuki Universiti Malaya dan lulus dalam tahun 1971. Kerana minat di dalam bidang politik, Datuk Megat turut aktif di dalam politik kampus dan gerakan pelajar. Kembali ke Kedah pada 1972, beliau terus memasuki UMNO dan dilantik menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Alor Star dan pernah menjadi ahli jawatankuasa Perhubungan Pemuda UMNO Kedah dan juga ahli jawatankuasa Biro Penerangan UMNO Kedah.

Pada tahun 1976, dia dilantik menjadi Setiausaha Politik Menteri Pelajaran — Dr. Mahathir — dan pada tahun 1978, apabila bossnya berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dia turut dibawa. Di dalam pilihanraya umum 1982, dia ditawarkan bertanding kawasan Parlimen Pasir Salak dan mengekalkan kerusi tersebut dalam pilihanraya Ogos, 1986.



Mamat Ghazali Abdul Rahman

Mamat Ghazali Abdul Rahman, antara barisan pemimpin muda UMNO Negeri Terengganu yang sedang mencipta nama sekarang. Sebagai pemimpin muda, beliau bukan sahaja dihormati oleh rakan-rakannya, bahkan juga di kalangan tokoh veteran UMNO dan rakyat negeri itu.

Perlantikan ini juga menunjukkan keyakinan pucuk pimpinan UMNO Negeri khususnya bahagian yang bersangkutan dengan petroleum. Terengganu yang dikenali sebagai "Kuwait Malaysia" adalah negeri yang kaya dengan hasil petroleum dan perlu memilih orang-orang yang berkelayakan sahaja mengendalikan portfolio itu.

Di peringkat politik pula, beliau telah dilantik menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri dan Ahli Jawatankuasa Biro Perumahan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Melihat kepada kedudukannya sekarang, tidak hairanlah pemimpin yang baru berusia 38 tahun ini akan menjadi seorang tokoh politik yang disegani suatu hari nanti. Mamat juga memegang beban yang agak berat kerana tokoh utama PAS, Haji Abdul Hadi Awang telah membuat kubu di negeri tersebut.

Mungkin kerana penderitaan, pahit maung hidup sebagai seorang anak nelayan menjadikan dirinya insaf dengan keadaan sekarang. Beliau begitu berhati-hati di dalam segala tindak tanduk dan mempunyai sikap mudah mesra yang menyenangkan hati orang yang ditemuinya.

Mamat Ghazali dilahirkan pada tahun 1949. Beliau banyak bersekolah kerana keluarga yang sering berpindah randah. Pada peringkat awal beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Rusila, Sekolah Kebangsaan Seberang Takir, bagaimanapun di atas kepintarannya beliau melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama iaitu Sekolah Datuk Abdul Razak, Tanjung Malim dan Sekolah Tengku Abdul Rahman, Ipoh, Perak. Beliau lulus B.A. (Hons.) Ekonomi Universiti Malaya.

Di antara jawatan yang pernah dipegang dahulu ialah Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli Ekonomi Negeri Pahang. Bagaimanapun pada tahun 1982 beliau melepaskan kesemua jawatan yang dipegang kerana bertanding kerusi Parlimen Ulu Nerus. Beliau menang dan terpilih sekali lagi pada tahun 1984.

Bagaimanapun bagi mengisi kekurangan tokoh pelapis negeri, beliau akhirnya ditarik ke Dun Langkap, dalam pilihanraya 1986 lalu. Serentak dengan itu, beliau telah dilantik menjadi anggota Majlis Mesyuarat Negeri Bahagian Pembangunan Perindustrian dan Perusahaan Petroleum.

Datuk Tajol Rosli Tan Sri Ghazali

Kerana popularnya bapanya di kawasan Grik dan Perak utara maka anak muda ini tidak menghadapi gugatan yang serius untuk memimpin UMNO Bahagian Grik. Jasa bapanya kepada negeri yang kaya dengan bijih itu membuatkan orang-orang yang mengenali bapanya dan menyokong bapanya, memberikan beliau sokongan. Ini terbukti apabila adanya ura-ura Datuk Tajol akan ditentang bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian Grik dalam tahun 1985, dia menang tanpa bertanding. Dan dia memang tanpa bertanding dalam tahun 1987.

Pada 2hb. Jun, 1983 beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar setelah menjadi ahli Parlimen Grik sejak tahun 1979 lagi. Pada 17hb. Ogos, 1984, Datuk Seri Sanusi Joned, ketika itu memegang portfolio Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengesyorkan Datuk Tajol dilantik sebagai Pengurus MARA, menggantikan Haji Rahim Bakar. Dalam rombakan kabinet selepas pilihanraya umum Ogos, 1986, beliau dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri di kementerian yang sama.

Tugasnya di MARA dijalankan dengan sebaiknya dan sejak berada di tempat berkenaan, dia terkenal dengan ketegasannya bertindak ke atas para peminjam MARA. Keinginannya untuk mendapatkan balik \$85.6 juta (perangkaan 1984) hutang dari usahawan-usahawan Melayu begitu lantang sehingga para peminjam mulai sedar tanggungjawab untuk memulangkan pinjaman itu.

Datuk Tajol dilahirkan pada 6hb. November, 1944 di Kampung Lahar, Lenggong. Mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Permatang Sungai Manik, Teluk Intan tetapi semasa di dalam darjah dua, dia berpindah pula ke Sekolah Melayu Matang Pelandok, Labu Kubong. Tak lama selepas itu dia pulang semula ke sekolah lama semasa darjah tiga. Seorang yang cerdik dibidang pelajaran, dia terpilih memasuki Special Malay Class sehingga Tingkatan Dua di Government English School, Lenggong. Lepas itu dia berpindah pula ke Anderson School, Ipoh memasuki Tingkatan Tiga sehingga tingkatan enam rendah. Peluang untuk menuntut pelajaran tinggi terbuka apabila dia dihantar ke Australia membuat matrikulasi di Geelong Grammer School, Corio, Geelong. Semasa di luar



negeri, Datuk Tajol memegang jawatan Presiden Persatuan Melayu Victoria dan Naib Presiden Persatuan Islam Victoria. Beliau memasuki Universiti of Melbourne pada tahun 1966.

Beliau aktif di dalam UMNO sejak pulang dari Australia pada tahun 1967 dengan mendaftar ahli di dalam bahagian Petaling Jaya. Pada tahun 1971, dia menjadi ahli UMNO Bahagian Grik, semasa Datuk Seri Ahmad Said menjadi Ketua UMNO Bahagian Hulu Perak. Setahun kemudian dia dilantik menjadi ahli jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO bagi-gian Ulu Perak. Pada tahun 1975 dia menjadi naib ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Grik dan ahli jawatankuasa UMNO Bahagian. Pada tahun 1976, dia dilantik sebagai Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO negeri. Mula bertanding pada tahun 1977 apabila bapanya terpaksa mengosongkan kawasan Kenering selepas meletakan jawatan Menteri Besar Perak. Dalam pilihanraya 1978, beliau dipilih bertanding kawasan Parlimen Grik dan memenanginya. Pernah mewakili Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu dan masuk Third committee berkenaan belia dan wanita. Pemilihannya disebabkan beliau ialah Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM).



Datuk Isa Samad

Selama dua penggal berturut-turut beliau telah diberi kepercayaan memimpin kerajaan Negeri Sembilan. Pemilihannya itu menggambarkan sikap senang hati pemimpin-pemimpin peringkat nasional dan negeri itu terhadap kerja-kerja selama ini.

Datuk Isa Samad merupakan anak jati Negeri Sembilan. Beliau dilahirkan di Bagan Pinang dan mendapat didikan di Sekolah Menengah Inggeris Port Dickson, Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur dan Universiti Malaya di Kuala Lumpur.


Sebelum menjadi Menteri Besar, beliau pernah dilantik menjadi Pengerusi Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, Pengerusi Permodalan Negeri dan sebagainya.

Melihat dari kerja-kerjanya sekarang, ciri-ciri mendidik tidak terlepas dari konsep perjuangan beliau. Ini mungkin disebabkan beliau pernah memegang jawatan guru sebelum terbabit sepenuh masa di arena politik.

Tidak hairanlah jiwa pendidikan merupakan asas-asas kepada tugas dirinya sebagai suatu konsep yang perlu dipatuhi. Sikap ini juga menggambarkan peribadinya yang sentiasa mengambil berat masalah rakyatnya sebagaimana jika pendidik yang melihat kelemahan murid-muridnya.

Seperti setengah-setengah pemimpin lainnya, ciri-ciri keramahan tidak juga terlepas dari dirinya. Beliau merupakan seorang tokoh menteri yang mudah mesra dengan semua lapisan masyarakatnya. Datuk Isa juga adalah seorang pemimpin yang mengambil berat terhadap tugas-tugas kakitangan yang berada di bawah jagaannya.

Berdasarkan kepada cara bekerja, hubungan dengan pemimpin-pemimpin, Datuk Isa tetap akan bertahan lama di arena politik sama ada peringkat negeri mahupun peringkat nasional. Segala-galanya terletak kepada masa dan takdir sahaja yang menentukannya.



Mohd Ali Rustam

Pucuk Pimpinan Tertinggi UMNO Negeri Melaka sudah tidak khuatir lagi mencari barisan pemimpin-pemimpin pelapisnya. Kebanyakan pemimpin-pemimpin muda negeri itu telah menunjukkan ketokohan mereka sama ada di peringkat negeri mahupun nasional.

Antara tokoh-tokoh baru yang dilahirkan ialah Mohd Ali Rustam. Tokoh muda ini merupakan barisan pemimpin pelapis negeri Melaka yang berkewibawaan dan berpotensi.

Mohd Ali dilahirkan pada 24hb. Ogos 1949. Beliau adalah Graduan di Bidang Ekonomi Pembangunan Universiti Sains Malaysia. Beliau yang menang dalam pilihanraya UMUM 1986 lalu bagi kerusi Dun Air Molek kini menjadi EXCO Kerajaan Negeri Bahagian Pemindahan Alam Sekitar dan Kerajaan Tempatan.

Seperti Abdul Rahman Palil, beliau juga turut melibatkan dirinya di dalam pertubuhan belia. Antara jawatan yang dipegang ialah Penggerusi Gabungan Belia Negeri Melaka, dan salah seorang EXCO Majlis Belia Malaysia. Sebelum ini beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa Gerakan Belia 4B Melaka, Setiausaha Kelab 4B Melaka dan Jawatankuasa 4B Malaysia.

Sebagai tokoh pemimpin belia, beliau tidak mempunyai masalah untuk menjadi seorang pemimpin politik yang baik. Segala pengalaman dan nikmat yang dirasai diperingkat belia ini sedikit sebanyak dijadikan suatu panduan kepada dirinya sekarang.

Mohd Ali juga boleh bermesra dengan semua lapisan masyarakat. Keadaan ini menyebabkan beliau disenangi bukan sahaja di kalangan masyarakat bawahan, ahli-ahli politik tetapi juga di kalangan para wartawan. Keistimewaan lain yang ada pada dirinya adalah pandai menarik perbualan terutamanya ketika membincangkan satu-satu isu semasa.

Di arena politik pula, sebagai wakil rakyat, beliau juga adalah Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Melaka. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi dan Agama Negeri Melaka. Perlantikan ini telah memberikan gambaran kepercayaan pemimpin-pemimpin UMNO Negeri itu terhadap kebolehan beliau.

Bagaimanapun saat-saat kemanisan politiknya sekarang adalah apabila beliau berjaya menewaskan seorang tokoh politik veteran UMNO lama untuk pertandingan kerusi Batu Berendam. Inilah saat-saat yang paling membahagiakan kepada dirinya pada tahun 1987.



Kamaruddin Jaafar

Kamaruddin Jaafar – perlantikannya sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Ghafar Baba sekali gus mengajaknya ke kancang politik. Sebagai tokoh intelek dan akademik sesuatu yang terlalu asing di alam politik, kini beliau mula belajar mengharungnya.

Keistimewaan yang ada pada beliau ialah sikap pendiam dan sederhana dalam mengambil sesuatu tindakan. Menurut beberapa orang rakan karibnya, beliau lebih senang bekerja secara diam dan senyap. Cara ini dianggap sesuai dan tepat kerana kerja dengan publisiti yang meluas akan menjadikan seseorang itu tidak ikhlas.

Anak jati Kelantan ini dilahirkan pada 3hb November 1951, di Wakaf Baru, Tumpat. Beliau menyambungkan pelajarannya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, dan University of Kent, England. Pada tahun 1974, beliau bekerja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bagaimanapun merasakan dirinya kekurangan lagi dari segi ilmu, beliau meneruskan lagi pelajarannya di University London untuk mendapat Sarjana. Beliau berjaya memperolehi ijazah itu.

Sebagai seorang tokoh muda yang mempunyai cita-cita Islam, beliau bersama-sama dengan rakannya berjuang meneruskan cita-cita itu di negara ini. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Agong Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 1981. Bagaimanapun beliau melepaskan jawatan itu pada tahun 1986 lalu.

Di arena politik pula, beliau kini menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tumpat. Beliau menang tanpa bertanding pada tahun 1987 ini. Di peringkat nasional pula, beliau telah dilantik menjadi EXCO Pemuda UMNO Malaysia.

Kamaruddin kini diibaratkan sebagai 'anak didik' UMNO negeri Kelantan. Beliau adalah di antara beberapa orang tokoh pelapis UMNO yang boleh menyaangi kekuatan PAS di negeri 'serambi Mekah' ini, beliau akan terus bekerja bersama-sama dengan beberapa orang tokoh muda UMNO Kelantan yang lain.



Haji Ibrahim Ali

Haji Ibrahim Ali ialah tokoh muda yang penuh kontroversi. Sejak berada di dalam Berjasa selaku Ketua Pemuda parti itu lagi beliau sudah menimbulkan polemik berhubung permainan politiknya.

Kemasukkannya di dalam UMNO (mungkin mencontohi Anwar dan lain-lain) memberi ruang pada beliau untuk memperjuangkan wadahnya. Semangat keislamananya yang diwarisi sejak zaman pelajar turut dibawa. Mungkin jika diberi peluang beliau akan menjadi pemimpin pelapis yang disegani oleh tokoh-tokoh Islam lain.

Dalam pilihanraya umum lalu, beliau sukar untuk menang tambahan pula tersiar notis mengenai masalah kewangannya, tapi akhirnya beliau berjaya mengalahkan pencabar dari parti PAS. Sejak dilantik, Sanusi Joned memberi kepercayaan kepadanya menjadi Pengurus LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia). Menjelang 24 April, dia dilihat lebih rapat dengan kem Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa, mampu berdikari di dalam parti dan mungkin dia akan muncul. Ada cita-cita untuk menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Malaysia di masa akan datang.

Saad Man

Saad Man, anak jati Negeri Jelapang Padi ini menjadi tokoh pemuda UMNO yang paling popular sekali sebaik sahaja namanya diumumkan sebagai calon majoriti undi terbanyak dalam perebutan jawatan EXCO Pemuda pada tahun 1986 lalu.

Beliau mendapat 267 undi itu datangnya dari UMNO bahagian Kubang Pasu, satu kubu dengan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed.

Saad dilahirkan pada 30hb. Mei 1950 di Bukit Tinggi, Kepala Batas, Kubang Pasu, Kedah. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kepala Batas, Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Jitra dan Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur. pada tahun 1968, beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya.

Sebagai tokoh muda yang berwibawa, beliau merupakan harapan rakyat negeri Kedah untuk terus memimpin bagi menggantikan tokoh-tokoh veteran. Sikapnya yang terbuka dan sering bergaul mesra dengan masyarakat bawahan menjadikan beliau sebagai tokoh politik yang dihormati.


Saad mula aktif di arena politik pemuda pada tahun 1975. Beliau kini dilantik sebagai Ketua Pemuda Negeri Kedah dan Pengurus Jawatankuasa Biro Perumahan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.


Bagaimanapun untuk menjadi seorang tokoh politik yang baik, beliau harus tabah menghadapi segala bentuk ujian. Ini disebabkan negeri-negeri utara dan pantai timur merupakan kubu kuat kepada Parti Islam Semalaysia (PAS). Pemimpin-pemimpin UMNO Kedah terpaksa menghadapi ujian getir dengan tekanan-tekanan dari pemimpin muda PAS.

Walaupun PAS terlepas kerusi parlimen Kota Setar yang dipegangnya tetapi kemenangan 3 kerusi pun sudah tentu menaikkan imej politiknya di kaca mata masyarakat negeri itu.

Namun berkat sokongan dan kerjasama dari rakan-rakannya yang lain, sudah tentu tidak menyukar Saad untuk terus penggempur segala kubu-kubu PAS pada masa kini dan akan datang.

Sikapnya yang pandai bergaul dan bermesra dengan semua pihak sudah tentu akan menyenangkan beliau untuk terus berkhidmat kepada masyarakat pada masa depan. Tidak mustahil beliau akan menjadi seorang tokoh politik yang disegani dan dihormati oleh pelbagai parti dan kaum.





Adnan Yakob

Adnan Yakob – barisan mana tokoh Pemuda UMNO Pahang yang kini meniti disetiap bibir tokoh politik UMNO negeri itu. Namanya semakin menonjol apabila beliau menawaskan orang lama. Dr. Abdul Malek bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian Bentong dalam persidangan 1987 ini.


Adnan begitu mudah sekali dikenali oleh pengundi-pengundi di tempatnya. Beliau seorang yang simpel, mudah diajak berbual dan akan pergi ke mana-mana tempat untuk meninjau masalah-masalah rakyat di kawasannya.

Tokoh muda ini dilahirkan pada 18hb April 1950. Beliau belajar di Sekolah Kebangsaan Bentong, di Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa di bidang undang-undang.

Beliau yang menjadi wakil rakyat Pelangai sentiasa mendapat tempat dihati pengundi. Mungkin kerana jiwa sebagai bekas pendidik menyebabkan beliau bersikap ‘simple’ dan sentiasa mengambil berat masalah-masalah pengundinya.

Walaupun dirinya tewas di dalam perebutan EXCO Pemuda UMNO Malaysia pada tahun lalu, ini tidak pernah mengajar beliau erti keciwa. Beliau akan terus berkhidmat selagi mendapat kepercayaan dari parti dan rakyatnya.

Melihat dari kerja-kerjanya ini, beliau mempunyai potensi untuk menjadi seorang pemimpin yang dihormati dan disegani pada suatu ketika nanti.



Hashim Saffin

Tuah ayam pada tajinya, tuah manusia siapa tahu? Itulah tuah kejayaan yang diperolehinya sebaik sahaja terpilih menganggotai EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada tahun 1986 lalu. Negeri "Serambi Mekah" ini merasakan tidak sia-sia menghantar dua jaguhnya bertanding merentas kerusi EXCO Pemuda.

Hashim Saffin mendalak secara tiba-tiba, di peringkat nasional. Beliau bersama-sama dengan rakan senegerinya, Haji Ibrahim Ali telah berjaya meraih kepercayaan pemuda untuk di kerusi EXCO Pemuda itu.

Hashim dilahirkan pada tahun 1947. Beliau yang mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti adalah bekas Setiausaha Politik Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Yaacob. Sebaik sahaja namanya tercalon bertanding kerusi Parlimen Tanah Merah, beliau terpaksa melepaskan jawatan tersebut.

Sebagai seorang ahli politik, beliau begitu dihormati dan disanjung oleh rakyat Kelantan khususnya parlimen Tanah Merah. Seorang wartawan akbar terkemuka negara ini yang pernah mengikuti beliau melawat kampung-kampung menyifatkan Hashim merupakan seorang tokoh yang unik.

Beliau boleh masuk ke kedai ahli-ahli PAS pada bila-bila masa sahaja tanpa rasa risau dan takut, kata wartawan itu. Wartawan itu menambah, yang lebih menarik lagi apabila ada ahli-ahli PAS sendiri yang menyokong penuh di atas usaha-usahanya itu walaupun semua orang tahu PAS tidak begitu sefahaman dengan UMNO.

Tetapi keadaan ini tidak berlaku kepada Hashim Saffin. Beliau mempunyai cara yang tersendiri untuk menarik hati rakyat negeri Kelantan tanpa mengira apapun parti.

Kini beliau memegang Biro buruh pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan di negeri pula beliau menjadi Ketua Pemuda Bahagian Tanah Merah.

**Penerbitan Matahari
Kuala Lumpur**